



**Produktiviti, Inovasi dan Transformasi:** Memangkinkan PKS bagi Merebut Peluang Pertumbuhan Baharu



**Productivity, Innovation and Transformation:** Catalysing SMEs to Seize New Growth Opportunities

LAPORAN TAHUNAN **2015** ANNUAL REPORT

## RASIONAL REKA BENTUK

Memacu pembangunan, pertumbuhan dan kemarpanan PKS merupakan pendorong utama SME Corp. Malaysia. Sebagai tuggak ekonomi Malaysia, PKS adalah daya penggerak bertenaga yang akan mempercepatkan pertumbuhan ekonomi dan melonjakkan Malaysia menjadi negara maju berpendapatan tinggi menjelang tahun 2020. Mara ke hadapan di bawah Rancangan Malaysia Ke-11, tumpuan kami adalah untuk memangkinkan PKS bagi membantu mereka memperolehi peluang pertumbuhan baharu menerusi pelaksanaan strategi, program dan inisiatif dipacu produktiviti dan diterajui oleh inovasi yang bertujuan untuk mempergiatkan transformasi PKS menjadi perniagaan yang dinamik dan berdaya saing tinggi di pasaran tempatan, serantau dan global. Kami tekad dalam usaha kami membimbang, melengkapi dan menggalakkan PKS untuk meningkatkan kapasiti, keupayaan dan prestasi mereka melalui pelaksanaan, penyediaan dan penyelaras dasar, program, khidmat nasihat dan sokongan perniagaan kepada PKS secara berkesan.



## DESIGN RATIONALE

*Driving the development, growth and sustainability of SMEs is the core impetus of SME Corp. Malaysia. As the pillar of the Malaysian economy, our critical mass of SMEs is the vibrant force that will accelerate our economic growth and propel Malaysia into a developed high income nation by 2020. In forging ahead under the 11th Malaysia Plan, our focus is to catalyse SMEs to seize new growth opportunities through the implementation of productivity-driven and innovation-led strategies, programmes and initiatives which are aimed to spur the transformation of our SMEs into dynamic, highly competitive businesses locally, regionally and globally. We are resolute in our endeavour to guide, equip and motivate our SMEs to enhance their capacity, capability and performance through effective implementation, provision and coordination of progressive policies, programmes, business advisory and support for SMEs.*

# LAPORAN TAHUNAN 2015

delivered solid results in a challenging



## PERISTIWA PENTING MENUJU TRANSFORMASI

1996

Perbadanan Pembangunan Industri Kecil dan Sederhana (SMIDEC) ditubuhkan pada 2 Mei 1996 di bawah MITI untuk membangunkan IKS agar berdaya saing di pasaran global.

2001

Pelan Pembangunan Industri Kecil Sederhana (SMIDP 2001-2005) diperkenalkan.

2004

Majlis Pembangunan PKS Kebangsaan (MPPK) telah ditubuhkan sebagai badan penggubal dasar tertinggi untuk pembangunan PKS. Bank Negara Malaysia telah dilantik sebagai Sekretariat kepada MPPK.

2008

SMIDEC mengambil alih peranan Sekretariat kepada MPPK menggantikan Bank Negara Malaysia.

2009

SMIDEC secara rasmi dijenamakan semula sebagai Perbadanan Perusahaan Kecil dan Sederhana Malaysia (SME Corp. Malaysia) pada 2 Oktober 2009.

2010

Rangka Kerja Strategik SME Corp. Malaysia (2010-2015) telah dilancarkan.

2012

Pelan Induk PKS (2012-2020) telah dilancarkan sebagai pemangkin bagi memacu PKS mencapai Wawasan 2020.

2016

Pelan Strategik Perniagaan SME Corp. Malaysia (2016-2020) telah dilancarkan.

2020

dan seterusnya...

## SEKILAS FAKTA

Sumbangan  
PKS kepada  
ekonomi

**36.3%**  
KDNK

**65.5%**  
Guna Tenaga

**17.6%**  
Eksport

PKS merupakan  
bilangan  
terbesar  
perniagaan di  
Malaysia

**97.3%**

daripada  
jumlah  
perniagaan  
**(645,136)**

Perusahaan **496,458**  
**Mikro** (77%)

Perusahaan **128,787**  
**Kecil** (20%)

Perusahaan **19,891**  
**Sederhana** (3%)

**12**  
Mesyuarat  
Kumpulan  
Kerja

mewakili Malaysia  
dalam forum serantau  
dan antarabangsa

**68**  
Pakar

Program  
Panel  
Penasihat  
Pakar PKS  
(SEAP)

**170**  
Program  
Pembangunan  
PKS

RM8.14 bilion  
dilaksanakan oleh  
16 Kementerian  
dan lebih daripada  
60 Agensi, serta  
memanfaatkan  
593,008 PKS

Pelan Induk  
**PKS**  
(2012-2020)

6 Program  
Berimpak  
Tinggi (HIP)

**Pusat  
Rujukan  
Setempat  
(ORC)**

terdapat  
di Ibu Pejabat  
SME Corp.  
Malaysia dan  
11 Pejabat  
Negeri



## FALSAFAH KORPORAT

Lambang tiga garisan seperti anak panah menunjukkan kesinambungan peranan SME Corp. Malaysia dalam menyokong dan membangunkan PKS. Garisan seperti anak panah yang bergerak ke atas, menggambarkan SME Corp. Malaysia sebagai sebuah entiti yang dinamik, berpandangan ke hadapan dan berjaya.

Warna biru kehijauan, kelabu dan merah lembayung memaparkan sebuah organisasi yang moden, inovatif dan dinamik. Perkataan 'SME Corp. Malaysia' menggunakan fon italic sebagai simbol progresif dan berfikiran maju ke hadapan.

## VISI

Organisasi utama menerajui pembangunan PKS yang progresif bagi meningkatkan kemakmuran dan kesejahteraan negara.

## MISI

Menggalakkan pembangunan PKS yang berdaya saing, berinovasi serta berdaya tahan melalui penyelarasan dan penyediaan khidmat sokongan perniagaan yang berkesan.

# KANDUNGAN

## KENYATAAN PENGERUSI

10

## MESEJ KETUA EKSEKUTIF

12

## MAKLUMAT KORPORAT

14

- Mengenai SME Corporation Malaysia
- Majlis Pembangunan PKS Kebangsaan (MPPK)
- Pelan Tindakan Bersepadu PKS (SMEIPA)
- Tadbir Urus Korporat
- Pelan Strategik Perniagaan (2016-2020)
- Struktur Organisasi
- Ahli Perbadanan
- Pengurusan Kanan

## PROGRAM DAN INISIATIF TERAS

28

- Penarafan Daya Saing
- Akses Pasaran
- Pembangunan Jenama PKS
- Pembangunan Usahawan Bumiputera
- Pembangunan Kapasiti
- Teknologi & Inovasi
- Akses kepada Pembiayaan
- Capaian
- Pembangunan Usahawan Wanita
- Kerjasama Antarabangsa

## TINJAUAN PERKEMBANGAN DAN PROSPEK PKS

52

- Prestasi PKS pada Tahun 2015 dan di bawah Rancangan Malaysia Ke-10
- Program Pembangunan PKS
- Pelan Induk PKS (2012-2020)
- Prospek PKS pada Tahun 2016 dan di bawah Rancangan Malaysia Ke-11

## LAPORAN KEWANGAN

60



# KENYATAAN PENGERUSI

Tahun 2015 adalah tahun penting untuk PKS di Malaysia. Ianya menandakan penghujung Rancangan Malaysia Ke-10 (RMKe-10) (2011-2015) dan merupakan tempoh untuk menilai dan mengimbang kembali cabaran dan pencapaian pada tahun tersebut. Tahun berkenaan juga merupakan tempoh untuk mengkaji semula prestasi lepas bagi membolehkan kami maju ke hadapan dengan bijak, mempelajari dan membina di atas kejayaan-kejayaan yang telah dicapai sepanjang 5 tahun lepas, serta bergerak ke hadapan dengan momentum terarah seiring dengan permulaan fasa baharu dalam pembangunan negara di bawah Rancangan Malaysia Ke-11 (RMKe-11) (2016-2020), yang merupakan tahap terakhir ke arah Wawasan 2020.

## **Komuniti PKS Berdaya Tahan**

Sepanjang 2 dekad lepas dari RMKe-7 (1996-2000) hingga RMKe-10 (2011-2015), Malaysia telah mencapai tahap perdagangan antarabangsa dan aliran pelaburan yang belum pernah dialami sebelum ini, menghadapi 2 krisis kewangan besar, dan menyaksikan prestasi Perusahaan Kecil dan Sederhana (PKS) meningkat, menurun dan berkembang semula. Namun demikian, satu fakta tetap kukuh ~ PKS adalah komuniti yang berdaya tahan. PKS amat penting kepada pertumbuhan ekonomi Malaysia kerana mereka merupakan 97.3% daripada jumlah perniagaan di negara ini. Oleh yang demikian, usaha untuk membangunkan PKS yang mampan sebagai pemacu pertumbuhan ekonomi, adalah amat perlu bagi membantu Malaysia mencapai wawasan menjadi negara berpendapatan tinggi menjelang tahun 2020. Saya dengan bangganya mengemukakan Laporan Tahunan Perbadanan Perusahaan Kecil dan Sederhana Malaysia bagi tahun kewangan yang berakhir 31 Disember 2015.

## **Pencapaian Progresif di Sebalik Cabaran**

Bagi PKS di Malaysia, tahun 2015 merupakan satu lagi tahun pertumbuhan di mana pertumbuhan PKS telah meningkat secara sederhana pada 6.1% iaitu kadar pertumbuhan yang mampan dan layak dipuji untuk tahun yang mencabar.



PKS terpaksa menyesuaikan dan melaraskan perniagaan mereka kepada permintaan luaran yang lemah dan perbelanjaan pengguna yang lebih rendah akibat kelembapan ekonomi global. Kos operasi yang meningkat disebabkan oleh kenaikan kos barang dan perkhidmatan yang diimport berikutan penurunan nilai matawang Ringgit Malaysia, pelaksanaan Cukai Barang dan Perkhidmatan (GST), dan pelaksanaan langkah pembaharuan ekonomi dan struktur serta rasionalisasi subsidi yang sedang dijalankan, secara kolektif telah menyumbang kepada prestasi PKS yang lebih rendah pada tahun 2015. Walau bagaimanapun, di sebalik persekitaran ekonomi yang lembap, PKS tetap cekal dengan menyumbang sebanyak 36.3% kepada Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) keseluruhan, 65.5% kepada guna tenaga keseluruhan dan 17.6% kepada eksport keseluruhan Malaysia pada akhir tahun 2015.

Pada tahun 2015, sebanyak 170 program pembangunan PKS telah dilaksanakan oleh 16 Kementerian dan lebih daripada 60 Agenzia, berbanding dengan 160 program yang telah dirancang untuk tahun berkenaan. Ini merupakan pencapaian prestasi pada kadar 104.3% dengan penggunaan RM8.14 bilion (71.8%) daripada komitmen kewangan awal berjumlah RM11.34 bilion. Secara keseluruhannya, inisiatif yang dilaksanakan telah memanfaatkan 593,008 PKS dan ini merupakan 23.9% melebihi sasaran awal sejumlah 478,509 PKS yang ditetapkan. Daripada jumlah tersebut, SME Corp. Malaysia melaksanakan 11 program bernilai RM243.07 juta yang telah memanfaatkan 4,965 PKS.

## **Pelan Hala Tuju untuk Pembangunan PKS**

Melangkah ke hadapan di bawah RMKe-11, Pelan Induk PKS (2012-2020) yang merupakan strategi menyeluruh bagi inisiatif PKS, akan menjadi asas dalam pelaksanaan program pembangunan PKS dengan

memberi tumpuan kepada 4 bidang utama iaitu produktiviti, inovasi, keusahawanan dan keterangkuman. Tumpuan pada 5 tahun selanjutnya adalah untuk mempercepatkan pelaksanaan Pelan Induk, khususnya 6 Program Berimpak Tinggi (HIP), bagi meningkatkan sumbangan PKS kepada ekonomi iaitu KDNK kepada 41%, guna tenaga kepada 65% (disemak semula daripada 62% sebelumnya) dan eksport kepada 23% (disemak semula daripada 25% sebelumnya) menjelang 2020, bertujuan untuk melonjakkan Malaysia menjadi ekonomi berpendapatan tinggi.

### **Kemampunan Menerusi Peluang Pertumbuhan Baharu**

Selaku Sekretariat kepada Majlis Pembangunan PKS Kebangsaan (MPPK), SME Corp. Malaysia gigih berusaha bagi memastikan dasar pembangunan PKS, rangka kerja institusi, institusi sokongan perniagaan dan mekanisme yang berkaitan tersedia untuk menyokong pertumbuhan mampan PKS. Bertindak sebagai Agensi Penyelaras Pusat untuk pembangunan PKS, kami giat menguatkuasakan peranan Kerajaan menerusi pelbagai Kementerian dan Agensi, serta menjalinkan kerjasama dengan sektor swasta dalam pelaksanaan dasar, program dan inisiatif PKS.

Sejajar dengan aspirasi Kerajaan, kami tekad untuk memangkin PKS bagi merebut peluang pertumbuhan baharu dan mewujudkan laluan pertumbuhan yang jelas untuk PKS, melalui pelaksanaan garis panduan yang telus, proses perniagaan dan kawal selia yang diper mudahkan, penyediaan program dan inisiatif pembangunan yang telah dipertingkatkan, memudahkan akses kepada pembiayaan dan modal kerja, mengatasi halangan kepada akses pasaran dan pengantarabangsaan, serta menggalakkan pelaburan PKS dalam teknologi baharu, inisiatif inovasi dan usaha peningkatan produktiviti.

### **Agenda PKS ASEAN**

Malaysia, selaku pengurus Persatuan Negara-Negara Asia Tenggara (ASEAN) pada tahun 2015, telah memberi tanggungjawab besar kepada SME Corp. Malaysia untuk menganjurkan buat julung kalinya Pameran & Persidangan PKS ASEAN 2015 (ASSC 2015). ASSC 2015 yang dianjurkan dengan jayanya telah menetapkan satu penanda aras baharu sebagai platform serantau bagi PKS Malaysia untuk mempromosikan produk, perkhidmatan dan teknologi, bertukar pandangan, membina jaringan perniagaan, dan berkembang ke Rantaian Nilai Global.

Tahun 2015 juga adalah tahun penting untuk PKS dengan pelancaran Pelan Tindakan Strategik ASEAN untuk Pembangunan PKS 2016-2025 (SAP SMED 2025) di bawah kawal selia Kumpulan Kerja PKS ASEAN (ASEAN SMEWG), di mana Malaysia diwakili oleh SME Corp. Malaysia. Sebagai pendekatan jangka panjang menyeluruh kepada pembangunan PKS di rantau ini, yang bermatlamat untuk mewujudkan pertumbuhan seimbang dan terangkum PKS di Negara-negara Anggota ASEAN (AMS), SAP SMED 2025 melengkapi Pelan Induk PKS dalam memupuk pertumbuhan mampan PKS yang inovatif dan berdaya saing di peringkat global.

### **Pengantarabangsaan PKS**

Dengan objektif untuk menjana peluang pertumbuhan PKS dalam perdagangan antarabangsa, SME Corp. Malaysia telah mempergiatkan usaha dalam inisiatif kerjasama antarabangsa menerusi platform global utama termasuk ASEAN dan Kerjasama Ekonomi Asia-Pasifik (APEC). Dalam usaha kami yang berterusan untuk memudahkan kerjasama dan rantaian luar negara, kami telah menjalinkan jaringan antarabangsa berwibawa melalui pelbagai organisasi global seperti Institut Penyelidikan Ekonomi untuk ASEAN dan Asia Timur (ERIA), Pertubuhan Pembangunan

Perindustrian Bangsa-bangsa Bersatu (UNIDO), Pertubuhan Kerjasama dan Pembangunan Ekonomi (OECD), Kongres Perniagaan Kecil Antarabangsa (ISBC), Majlis Perniagaan Kecil Antarabangsa (ICSB) dan Majlis Perniagaan Kecil Asia (ACSB).

### **Prospek PKS Melangkaui Tahun 2015**

Mara ke hadapan, pertumbuhan KDNK PKS dijangka sederhana pada tahun 2016, lebih rendah daripada pertumbuhan 6.1% yang dicatat pada tahun 2015, disebabkan secara bersama oleh ketidaktentuan dalam landskap ekonomi dan kewangan global, kos menjalankan perniagaan yang tinggi, serta kesan berlarutan kadar pertukaran matawang yang tidak stabil dan harga komoditi yang merosot.

Kerajaan kekal komited kepada pembangunan PKS di mana sejumlah RM7.34 bilion telah diperuntukkan untuk melaksanakan 152 program pembangunan PKS pada tahun 2016 yang menyasar untuk meningkatkan lagi prestasi PKS. Tumpuan akan diberi kepada pertumbuhan terangkum dan agenda sosial PKS, terutamanya yang melibatkan kumpulan 40% terendah dalam piramid pendapatan (B40).

Melangkaui tahun 2015, SME Corp. Malaysia akan terus memikul tanggungjawab lebih besar dalam memastikan pertumbuhan dan kemampunan PKS sebagai pendorong utama kami. Kami berazam teguh dalam menunaikan kewajiban membentuk dan memanfaatkan keupayaan PKS yang perlu diiktiraf sebagai kelompok kritisikal yang akan mempercepatkan pertumbuhan ekonomi negara dan mentransformasikan Malaysia menjadi negara maju.

### **Penghargaan**

Saya ingin mengambil peluang istimewa ini untuk menyampaikan setinggi-tinggi penghargaan kepada Perdana Menteri Malaysia, Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Ahli Majlis Pembangunan PKS Kebangsaan dan Ahli Perbadanan SME Corp. Malaysia di atas sokongan padu mereka selama ini kepada SME Corp. Malaysia. Saya turut berbangga dengan komitmen dan usaha gigih para rakan, kakitangan berdedikasi serta pasukan pengurusan kami di atas kepimpinan cemerlang mereka, yang mana telah menyumbang kepada tahun 2015 yang produktif.

**Tan Sri Ir. (Dr.) Mohamed Al Amin Abdul Majid**  
Pengerusi, SME Corp. Malaysia

## MESEJ KETUA EKSEKUTIF

Di sebalik keadaan ekonomi di peringkat domestik dan global yang mencabar, PKS di Malaysia telah berjaya mencapai prestasi kukuh pada tahun 2015. PKS telah menunjukkan daya tahan dan keazaman kuat, komited kepada hala tuju yang ditetapkan berdasarkan keutamaan negara serta terbuka sepenuhnya kepada inisiatif yang disediakan oleh Kerajaan.

Tahun 2015 adalah tempoh penting bagi memperlengkapkan dan mendorong kelompok kritikal PKS memperolehi peluang pertumbuhan baharu. Selaras dengan matlamat untuk memamparkan PKS sebagai faktor pendorong usaha SME Corp. Malaysia, tumpuan kami adalah untuk memupuk impian tempatan, aspirasi serantau dan semangat global di kalangan PKS dengan mewujudkan prospek pertumbuhan bagi meningkatkan produktiviti menerusi pengembangan sumber, amalan terbaik perniagaan teknologi terkini, serta pengetahuan, idea dan pendekatan inovatif baharu.

### Dasar Pembangunan Progresif dan Kerjasama Strategik

Dengan sokongan dasar Kerajaan yang progresif bagi pembangunan PKS, menerusi program pembangunan kami yang telah dirangka dengan strategi yang baik, kami dapat membimbing dan memupuk PKS menetapkan matlamat yang realistik serta langkah-langkah pragmatik bagi mencapai pertumbuhan dan kejayaan berterusan di peringkat tempatan dan antarabangsa. Kejayaan kami pada 2015 juga adalah hasil daripada kerjasama strategik dengan sektor korporat dan swasta yang merangkumi syarikat multinasional (MNC), syarikat berkaitan Kerajaan (GLC), syarikat besar swasta serta kerjasama dengan Kementerian, Agensi dan badan-badan berkaitan.



### Program dan Inisiatif Jana Nilai

Pada tahun 2015, SME Corp. Malaysia telah melaksanakan 11 program bernilai RM243.07 juta yang telah memanfaatkan 4,965 PKS. Menerusi program dan inisiatif ini, PKS secara konsisten telah memperolehi manfaat yang besar nilainya daripada pembangunan kapasiti, akses pasaran, akses kepada pembiayaan, penjenamaan, teknologi dan inovasi, hingga ke pembangunan usahawan Bumiputera dan wanita. Antara program yang telah mencatatkan pencapaian besar adalah:

- Program Rantaian Perniagaan (BLing) telah mewujudkan peluang pembekalan yang meluas bagi PKS menerusi Sesi Pernadanan Perniagaan dengan syarikat besar, MNC dan GLC. Pada tahun 2015, sejumlah 347 PKS telah menjalankan 616 rantaian dengan syarikat-syarikat tempatan dan luar negara melalui 3 acara teras yang telah menjana potensi jualan bernilai RM484.94 juta.
- Program *Business Accelerator* (BAP) dan Program *Enrichment & Enhancement* (E<sup>2</sup>) yang bertujuan untuk meningkatkan kapasiti dan keupayaan PKS bersaing di peringkat tempatan dan antarabangsa, sehingga 31 Disember 2015, telah meluluskan sebanyak 1,264 permohonan daripada PKS dengan bantuan kewangan berjumlah RM225.46 juta.
- *National Mark of Malaysian Brand*, skim pensijilan yang melambangkan penanda aras Kualiti, Kecemerlangan dan Keunggulan, telah berjaya

membantu PKS Malaysia membina kewibawaan dan reputasi produk dan perkhidmatan mereka setanding dengan kualiti jenama besar. Sehingga 31 Disember 2015, sejumlah 120 syarikat telah menerima pensijilan di mana sebanyak 16 syarikat telah diperakurkan pada tahun 2015.

### **Pelan Induk PKS (2012-2020)**

Pelaksanaan Pelan Induk PKS, sebagai strategi menyeluruh bagi inisiatif pembangunan PKS, kini berjalan lancar di mana daripada 6 Program Berimpak Tinggi (HIP), 5 HIP telah merekodkan pencapaian amat baik pada tahun 2015. HIP 3: *SME Investment Partner*, bertujuan untuk menyediakan pembiayaan peringkat awal dengan membangunkan syarikat pelaburan yang akan melabur dalam PKS berpotensi, dijadual akan dilaksanakan pada suku ke-4 tahun 2016.

### **Memupuk Semangat Keusahawanan**

Selaras dengan matlamat Kerajaan untuk mewujudkan satu ekosistem yang akan melahirkan usahawan baharu dan menyediakan platform bagi PKS berpotensi tinggi berinovasi dan meningkatkan produktiviti, kami melaksanakan Program Tunas Usahawan Belia Bumiputera (TUBE) dengan objektif untuk memupuk keusahawanan di kalangan belia Bumiputera. TUBE 2.0 yang dilancarkan pada 2015 telah mewujudkan sebanyak 665 peluang pekerjaan. Setakat suku ke-2 tahun 2015, para peserta program telah mendaftar 491 syarikat dengan Suruhanjaya Syarikat Malaysia, terdiri daripada pelbagai jenis perniagaan, yang telah menjana jualan terkumpul bernilai RM2.98 juta.

### **Kejayaan Cemerlang Mengatasi Cabaran**

Tahun 2015 sesungguhnya tahun yang telah membawa kemajuan untuk PKS, di mana di sebalik cabaran yang dihadapi, PKS kekal tabah dalam usaha mereka ke arah meningkatkan pertumbuhan perniagaan. Platform teras jana nilai kami telah membantu PKS memperkenalkan keupayaan mereka kepada pihak-pihak berkepentingan di peringkat tempatan tempatan, serantau dan global yang membuka peluang pertumbuhan dan pengembangan berdaya maju.

Saya amat berbangga dengan kejayaan ASSC 2015 yang telah menerima 10,384 pengunjung perdagangan dan mencapai potensi jualan bernilai RM418.54 juta. Turut membanggakan adalah Minggu PKS 2015 yang telah menarik seramai 344,709 peserta dan pengunjung, serta mencatat jualan tunai RM3.6 juta yang merupakan peningkatan 112% dari tahun 2014, di samping menjana potensi jualan berjumlah RM60.03 juta, kenaikan 77.1% dari tahun 2014, menerusi Sesi Pemadanan Perniagaan.

### **Transformasi menerusi Teknologi dan Inovasi**

Dalam menuju ke arah ekonomi yang dipacu oleh produktiviti dan inovasi, program dan inisiatif kami telah membawa satu transformasi di kalangan PKS yang telah menghasilkan pencapaian ketara. Di bawah Program LED/SSL 'Hijau', 'Konsortium LED Malaysia' terdiri daripada gabungan 11 syarikat yang layak, telah mencapai jualan terkumpul berjumlah

RM116.97 juta setakat 31 Disember 2015. Ini merupakan peningkatan sebanyak 31.9% daripada tahun 2014 dan melebihi sasaran RM110 juta yang telah ditetapkan untuk tahun berkenaan.

Menerusi Program *Enabling e-Payment Services for SMEs and Micro Enterprises*, sehingga 31 Disember 2015, sejumlah 99,549 PKS telah menggunakan pakai sistem e-Bayaran melalui 178,717 terminal jualan, termasuk perniagaan yang berpremis dan perniagaan atas talian, dengan jumlah transaksi bernilai RM5.42 bilion. Sehingga kini, inisiatif ini telah mewujudkan 1,211 pekerjaan dan menyumbang RM54.78 juta kepada Pendapatan Negara Kasar (PNK).

### **Kesimpulan**

Sememangnya tahun 2015 adalah tahun mencabar yang telah menetapkan penanda aras baharu bagi kedua-dua industri dan PKS untuk tahun-tahun akan datang. Saya amat gembira pencapaian kami pada 2015 telah memperkuatkkan rekod prestasi, kewibawaan dan komitmen SME Corp. Malaysia dalam usaha mencapai matlamat dan sasaran Pelan Induk PKS, untuk menerajui peralihan Malaysia menjadi ekonomi berpendapatan tinggi menjelang tahun 2020. Melangkah maju ke hadapan dalam tempoh RMKe-11, usaha gigih kami tertumpu ke arah meningkatkan daya saing, daya inovasi dan produktiviti kelompok kritikal PKS bagi mempercepatkan pertumbuhan dan pengembangan mereka.

Saya amat berbesar hati kerana berpeluang untuk bekerja seiring dengan pasukan, rakan dan benefisiari kami yang berdedikasi tinggi dalam memperjuangkan misi kami. Saya ingin merakamkan ucapan terima kasih saya yang tulus ikhlas kepada semua pihak di atas usaha gigih, semangat waja serta komitmen padu mereka yang telah menyumbang kepada prestasi membanggakan SME Corp. Malaysia dalam semua inisiatif yang dilaksanakan pada tahun 2015.

### **Dato' (Dr.) Hafsa Hashim**

Ketua Eksekutif, SME Corp. Malaysia

## MAKLUMAT KORPORAT

"Anugerah E50 yang berprestij telah berjaya mewujudkan golongan PKS baharu seperti kami, mendorong kami untuk menetapkan penanda aras kejayaan yang baharu bagi komuniti PKS, serta memberi kami inspirasi untuk meningkatkan lagi prestasi. Status syarikat kami sebagai ahli alumni E50 yang elit merupakan bukti kehadiran dan pencapaian kami dalam pasaran tempatan, serantau dan antarabangsa. Pencapaian kami sebagai Pemenang Utama Anugerah E50 2013 telah meningkatkan lagi kedudukan kami dalam dunia perniagaan dan memperkuuhkan usaha kami dalam mencapai tahap kecemerlangan perniagaan yang lebih tinggi."

**SYM WORLD INNOVATION  
SDN. BHD.**







**MENGENAI PERBADANAN  
PERUSAHAAN KECIL DAN  
SEDERHANA MALAYSIA  
(SME CORP. MALAYSIA)**

Perbadanan Perusahaan Kecil dan Sederhana Malaysia (SME Corp. Malaysia) merupakan agensi utama bagi pembangunan Perusahaan Kecil dan Sederhana (PKS) di bawah Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri (MITI) yang bertanggungjawab sebagai Agensi Penyelaras Pusat bagi semua hal berkaitan PKS.

SME Corp. Malaysia menggubal dasar dan strategi keseluruhan untuk PKS dan menyelaras pelaksanaan program PKS yang dikendalikan oleh Kementerian dan Agensi berkaitan. Ia berfungsi sebagai pusat rujukan utama bagi penyelidikan dan penyebaran maklumat berkaitan PKS. SME Corp. Malaysia juga merupakan Sekretariat kepada Majlis Pembangunan PKS Kebangsaan (MPPK), satu badan pembuat dasar tertinggi bagi PKS yang dipengerusikan oleh Perdana Menteri Malaysia.

Perbadanan ini merupakan agensi yang telah dikenamakan semula serta mula beroperasi sepenuhnya pada 2 Oktober 2009. Ia bermula daripada Perbadanan Pembangunan Industri Kecil dan Sederhana (SMIDEC) yang telah ditubuhkan pada 2 Mei 1996. Malaysia memerlukan sebuah badan penyelaras khusus dan berpusat bagi menyelia dan menjadi pemangkin kepada pembangunan PKS. Badan penyelaras ini haruslah berupaya menyediakan

pelbagai khidmat sokongan dan kemudahan infrastruktur, termasuk bantuan kewangan, khidmat nasihat, akses pasaran dan program sokongan lain bagi menaikkan prestasi PKS Malaysia.

**PUSAT BAGI KHIDMAT NASIHAT PERNIAGAAN, SOKONGAN DAN  
PENYEBARAN MAKLUMAT UNTUK PKS**

SME Corp. Malaysia terlibat secara aktif menyelaras, merasionalisasi, memantau dan menilai kemajuan serta keberkesanannya program pembangunan PKS yang dilaksanakan oleh 16 Kementerian dan lebih 60 Agensi Kerajaan di seluruh Malaysia. Maklumat yang dikumpulkan daripada entiti yang berkaitan diterbitkan secara tahunan dalam laporan bertajuk 'Pelan Tindakan Bersepadu PKS (SMEIPA)'. SMEIPA melaporkan gambaran keseluruhan, pelaksanaan, pencapaian dan prospek bagi semua program PKS di Malaysia setiap tahun.

Pada hari ini, SME Corp. Malaysia menyediakan pelbagai program pembangunan dan inisiatif bagi PKS di bawah naungannya. Ini merangkumi program-program pembangunan dan pembangunan kapasiti, pembangunan jenama, program pembangunan keusahawanan bagi belia, wanita dan Bumiputera, program akses kepada pembiayaan, program teknologi dan inovasi, program akses pasaran, inisiatif capaian, inisiatif kerjasama antarabangsa dan khidmat nasihat perniagaan.

SME Corp. Malaysia menitikberatkan peranan utama PKS dalam pertumbuhan negara dan berltizam membangunkan PKS yang progresif, mampan dan berdaya saing bagi meningkatkan kemakmuran dan kesejahteraan PKS secara khususnya dan negara secara amnya. Strategi ini berpaksi kepada penekanan SME Corp. Malaysia ke atas penyelesaian praktikal berdasarkan bukti. Dasar pelaksanaan PKS biasanya terarah kepada menangani halangan, gangguan serta kegagalan pasaran dalam menyediakan PKS dengan proses yang cekap dan menjimatkan, model perniagaan yang kukuh, akses kepada sumber kewangan, perkongsian bijak, strategi memasuki pasaran dan inisiatif pertumbuhan yang mampan.

SME Corp. Malaysia sentiasa mengutamakan pembinaan kerjasama strategik dan perkongsian rapat dengan syarikat-syarikat serta institusi-institusi di Malaysia dan luar negara. Ini termasuk membentuk jaringan dan hubungan kerja dengan kelompok industri dan pertubuhan, syarikat-syarikat besar, MNC, pusat-pusat pengajian tinggi, sektor awam serta swasta bagi menambah dan mengukuhkan usahasama yang dapat memberi faedah kepada pembangunan PKS di Malaysia. SME Corp. Malaysia menghulurkan bantuan dan sokongan kepada PKS dan berusaha untuk memastikan agar semua PKS mendapat akses kepada program dan inisiatif yang disediakan. PKS boleh mendapatkan kemudahan khidmat dan sokongan SME Corp. Malaysia serta maklumat berkaitan perniagaan di Pusat Rujukan Setempat (ORC) terletak di Ibu Pejabat SME Corp. Malaysia, Kuala Lumpur atau mana-mana daripada 11 Pejabat Negeri di seluruh negara.

## PERANAN DAN FUNGSI UTAMA

Peranan dan fungsi utama SME Corp. Malaysia adalah seperti berikut:

### 1. Agensi Penyelaras Pusat bagi Pembangunan PKS - Penyelarasan Dasar dan Program

- Merangka dasar umum PKS merentasi semua sektor; dan
- Menyelaras, memantau dan menilai keberkesanannya pelaksanaan dasar dan program yang dikendalikan Kementerian dan Agensi yang berkaitan.

### 2. Pusat Khidmat Nasihat Perniagaan dan Maklumat

- Menyediakan khidmat nasihat perniagaan melalui Pusat Rujukan Setempat (ORC);
- Menyebarluaskan maklumat mengenai dana dan insentif Kerajaan untuk PKS;
- Berfungsi sebagai saluran maklum balas mengenai isu PKS;
- Perhubungan bagi komuniti domestik dan antarabangsa berkaitan hal-hal PKS; dan
- Melaksana program-program capaian.

### 3. Pengurusan Data, Penyebaran Maklumat dan Penyelidikan Berkaitan PKS

- Menguruskan Pangkalan Data Kebangsaan PKS;
- Menjalankan penyelidikan berkaitan PKS; dan
- Menerbitkan laporan dan statistik berkaitan PKS.

### 4. Sokongan Perniagaan

- Memupuk dan membina PKS yang kompetitif melalui program pembangunan kapasiti yang spesifik dan bantuan kewangan;
- Mempertingkatkan daya saing PKS dengan menggunakan kaedah diagnostik Penarafan Daya Saing PKS untuk Peningkatan (SCORE);
- Menyediakan sokongan infrastruktur kepada PKS; dan
- Menyediakan rantaian perniagaan dengan syarikat besar dan MNC.

### 5. Sekretariat kepada Majlis Pembangunan PKS Kebangsaan (MPPK)

- Mencadangkan dasar dan memastikan keputusan MPPK dilaksanakan dengan berkesan; dan
- Memberi sokongan pentadbiran kepada MPPK.

## MAJLIS PEMBANGUNAN PKS KEBANGSAAN (MPPK)

### Mengenai Majlis Pembangunan PKS Kebangsaan (MPPK)

MPPK adalah badan pembuat dasar tertinggi bagi pembangunan PKS di Malaysia. Peranan utamanya adalah bagi memastikan pembangunan PKS yang menyeluruh dan terselaras dalam semua sektor. Dipengerusikan oleh Perdana Menteri Malaysia, ahli-ahli majlis lain terdiri daripada 16 Menteri, Ketua Setiausaha Negara, Ketua Pengarah Unit Perancang Ekonomi (EPU) dan Gabenor Bank Negara Malaysia (BNM).

**Malaysia memerlukan sebuah badan penyelaras khusus dan berpusat bagi menyelia dan menjadi pemangkin kepada pembangunan PKS.**

Pada hari ini, SME Corp. Malaysia menyediakan pelbagai program pembangunan dan inisiatif bagi PKS di bawah naungannya.

menyediakan PKS dengan proses yang cekap dan menjimatkan, model perniagaan yang kukuh, akses kepada sumber kewangan, perkongsian bijak, strategi masuk pasaran dan inisiatif pertumbuhan yang mampan.

Antara fungsi strategik MPPK adalah:

- Merangka dasar dan strategi umum bagi memudahkan pembangunan PKS dalam semua sektor;
- Mengkaji semula peranan dan tanggungjawab Kementerian dan Agensi yang ditugaskan untuk pembangunan PKS;



- Meningkatkan kerjasama dan penyelarasan program bagi memastikan keberkesanan pelaksanaan dasar pembangunan dan pelan tindakan PKS;
- Menggalakkan dan mengukuhkan peranan sektor swasta dalam menyokong pembangunan keseluruhan PKS; dan
- Memberi penekanan kepada pembangunan PKS Bumiputera dalam semua sektor ekonomi.

#### **MPPK dan Pelan Induk PKS (2012 - 2020)**

SME Corp. Malaysia telah dipertanggungjawabkan oleh MPPK untuk memacu pelaksanaan Pelan Induk PKS dari 2012 hingga 2020. Matlamat Pelan Induk PKS adalah bagi mempercepatkan pertumbuhan PKS melalui strategi yang diterajui oleh inovasi dan produktiviti, dengan matlamat utama membantu Malaysia mencapai status negara berpendapatan tinggi menjelang 2020.

Pelan Induk PKS dijangka menjadi 'game changer' terangkum untuk semua PKS, tanpa mengira sektor, lokasi geografi, pemilikan mengikut jantina atau etnik. Sumbangan PKS kepada ekonomi dijangka meningkat menjelang tahun 2020 berbanding tahun asas 2010.

- **KDNK :2020: 41% (2010: 32%);**
- **Guna tenaga :2020: 65% \* (2010: 59%); dan**
- **Eksport :2020: 23% \*\* (2010: 19%).**

[\*Disemak semula daripada 62% sebelum ini]

[\*\*Disemak semula daripada 25% sebelum ini]

Pelan Induk PKS pada tahun 2012 adalah unggul dari segi penerapan unik pendekatan berdasarkan hasil dalam pembangunan PKS, di mana SME Corp. Malaysia telah mewujudkan satu proses pemantauan prestasi secara menyeluruh, sistem penilaian dan pengukuran sebagai satu cara untuk memastikan keberkesanan semua program PKS. Untuk pertama kali di Malaysia, Pelan Induk PKS memperkenalkan konsep 'pelan sepanjang hayat', pendekatan perintis bagi pelaras yang mudah dan pengubahsuaian Pelan Induk untuk memastikan ia relevan dengan perubahan perniagaan dan keadaan global.

Kajian semula Pelan Induk PKS pada tahun 2013/2014 menunjukkan bahawa MPPK telah membuat kemajuan penting dalam membentuk pertumbuhan dan pembangunan PKS di Malaysia. Pencapaian dicapai setakat ini termasuk:

- Menetapkan definisi umum PKS (2004) dan mendefinisikan semula PKS (2014);
- Mewujudkan bincian secara berkala bagi mengemaskini statistik;
- Membentuk Rangka Kerja Pembangunan PKS, Pelan Induk PKS dan Rangka Kerja Akta PKS;
- Mewujudkan Agensi Penyelaras Pusat (CCA) untuk mengumpul data dan maklumat serta memantau semua program PKS oleh Kementerian dan Agensi yang berkaitan;
- Memastikan latihan berpusat untuk semua pihak yang terlibat dalam pembangunan PKS;
- Membuat laporan berkala dan merumuskan prestasi dalam Laporan Tahunan PKS dan penerbitan SMEIPA;
- Memperkenalkan produk kewangan baharu termasuk pembiayaan dan jaminan mikro; dan
- Mewujudkan infrastruktur kewangan seperti Biro Kredit PKS, Skim Penyelesaian Pinjaman Kecil (SDRS) dan transformasi Institusi Kewangan Pembangunan.

Pencapaian-pencapaian positif ini mencerminkan dan mengesahkan keberkesanan strategi MPPK untuk pembangunan PKS di negara ini. Pendekatan menyeluruh dan berstruktur yang digariskan di bawah Pelan Induk PKS dan dilaksanakan pada tahun 2013 dan 2014, berserta wawasan MPPK, berperanan penting dalam memacu prestasi PKS dan memperkasa PKS untuk mencapai potensi mereka.

#### **PELAN TINDAKAN BERSEPADU PKS (SMEIPA)**

##### **Mengenai SMEIPA**

SMEIPA merupakan laporan tahunan yang merekodkan penilaian, analisis, kemajuan, hasil dan keberkesanan semua program dan inisiatif PKS yang dilaksanakan oleh 16 Kementerian dan lebih daripada 60 Agensi yang terlibat dalam pembangunan PKS di Malaysia.

Sejak tahun 2010, penilaian dan prestasi semua program pembangunan PKS telah diukur melalui pendekatan berdasarkan hasil menggunakan Rangka Kerja Analisis Impak Program Pembangunan PKS (IAFSP). MPPK memperakarkan penggunaan IAFSP pada 9 Julai 2009 bagi menyeragamkan penggunaan KPI umum dan parameter pelaporan lain dalam memastikan penilaian prestasi yang lebih tersusun dan tidak berat sebelah. Dengan keadaan di mana kebanyakan program pembangunan PKS berada di bawah pelbagai Kementerian dan Agensi, adalah penting untuk meminimakan kesilapan data dan pelaporan serta memastikan penyelaras dan penilaian yang lebih efektif bagi semua program PKS.

## TADBIR URUS KORPORAT

### Piagam Ahli Perbadanan

Piagam Ahli Perbadanan SME Corp. Malaysia telah diluluskan di Mesyuarat Ahli Perbadanan No. 2/2015 yang diadakan pada 23 Jun 2015. Piagam Ahli Perbadanan jelas mentakrifkan peranan, tanggungjawab dan bidang kuasa Ahli-ahli Perbadanan dalam menetapkan hala tuju, pengurusan dan kawalan organisasi. Piagam Ahli Perbadanan merupakan sebahagian daripada landskap tadbir urus untuk membantu menyampaikan tadbir urus yang berkesan.

Tujuan Piagam ini adalah untuk membantu ahli-ahli Perbadanan:

- Jelas dengan peranan dan tanggungjawab mereka;
- Menyediakan garis panduan yang jelas bagi pelaksanaan tugas; dan
- Menyediakan rangka kerja tadbir urus yang telus.

Ahli-ahli Perbadanan adalah bertanggungjawab untuk melindungi kepentingan SME Corp. Malaysia pada setiap masa berdasarkan peranan dan tanggungjawab yang terkandung dalam Piagam Ahli Perbadanan. Mesyuarat Ahli Perbadanan diadakan sekurang-kurangnya 4 kali setahun.

### Jawatankuasa dan Panel Ahli Perbadanan

Ahli-ahli Perbadanan berkhidmat dalam Jawatankuasa dan Panel Ahli Perbadanan terpilih bagi membantu memacu kecekapan operasi Ahli Perbadanan. Jawatankuasa dan Panel Ahli Perbadanan membangunkan kepakaran bagi bidang yang khusus serta menetapkan terma rujukan, objektif dan fungsi yang jelas. Setiap Ahli Perbadanan bertanggungjawab sebagai Pengerusi sesuatu Jawatankuasa atau Panel, berdasarkan kepada bidang kepakaran atau bidang pengkhususan masing-masing. Jawatankuasa dan Panel Ahli Perbadanan terdiri daripada:

#### Jawatankuasa Dalaman:

1. Audit
2. Ganjaran dan Faedah (RBC)
3. Pinjaman Pelajaran

**Untuk pertama kali di Malaysia,**

**Pelan Induk PKS memperkenalkan konsep  
'pelan sepanjang hayat',**

**pendekatan perintis bagi pelarasan yang  
mudah dan pengubahsuaian Pelan Induk untuk  
memastikan ia relevan dengan perubahan  
perniagaan dan keadaan global.**

### Panel Pembangunan PKS:

1. Keusahawanan
2. Pembangunan Modal Insan
3. Keusahawanan Muda
4. Perusahaan Mikro
5. Bumiputera dalam Perniagaan
6. Usahawan Wanita
7. Penyumberan luar

### **Kumpulan Dasar Korporat (CPG)**

Kumpulan Dasar Korporat (CPG) merupakan jawatankuasa pengurusan tertinggi yang menjadi struktur tadbir urus SME Corp. Malaysia. CPG bertanggungjawab bagi mengkajisemula, membincang dan meluluskan semua dasar korporat dalaman.

Dasar-dasar asas CPG termasuk penentuan dasar dalaman dan rangka kerja undang-undang; prosedur dan sistem untuk penyampaian perkhidmatan; keberkesaan pendekatan punitif dan pemulihan; memupuk nilai-nilai murni dan kod etika organisasi, serta pemantauan pengurusan perhubungan pelanggan.

Dasar-dasar yang diluluskan oleh CPG dikemukakan untuk perakuan Ahli-ahli Perbadanan dan seterusnya diterima pakai sebagai dasar operasi bagi Perbadanan. Ahli-ahli CPG terdiri daripada Ketua Eksekutif sebagai Pengerusi; Timbalan Ketua Eksekutif (Pelaksanaan & Penyelaras); Timbalan Ketua Eksekutif (Pembangunan); Dua Pegawai Gred 3 dan Pegawai Integriti (apabila diperlukan).

## PELAN STRATEGIK PERNIAGAAN SME CORP. MALAYSIA (2016-2020)

### **Pelan Strategik Perniagaan SME Corp. Malaysia (2016-2020)**

Pelan Strategik Perniagaan SME Corp. Malaysia (2016-2020) merupakan panduan taktikal untuk membantu memastikan dasar dan program untuk PKS adalah sejajar dan dilaksanakan mengikut sasaran yang ditetapkan, serta disempurnakan selaras dengan Pelan Induk PKS (2012-2020) dan RMKe-11.

Pelan ini merupakan satu usaha bersama Pasukan Pengurusan, yang memperkuatkukuhkan lagi peranan SME Corp. Malaysia sebagai Agensi Penyelaras Pusat untuk pembangunan PKS, dan menyokong pelbagai program pembangunan PKS di semua Kementerian dan Agensi. Ia membantu untuk memastikan bahawa semua program pembangunan berada di landasan yang betul dengan mengukur prestasi dan hasil secara berkala, seiring dengan matlamat bersama yang telah dirancang.

## **Selaras dengan aspirasi dan halatuju RMKe-11 dan perubahan persekitaran ekonomi global, SME Corp. Malaysia telah merangka Pelan Strategik Perniagaan yang baharu bagi tempoh 2016-2020. Pendekatan interaktif telah digunakan dalam merangka Pelan Strategik Perniagaan SME Corp. Malaysia (2016-2020) bagi memastikan kepemilikan yang tinggi dan kefahaman bersama untuk semua.**

### **Rangka Kerja Strategik SME Corp. Malaysia (2010-2015)**

Pelan Strategik Perniagaan SME Corp. Malaysia (2016-2020) telah dikemaskini daripada Rangka Kerja Strategik SME Corp. Malaysia (2010-2015), yang merupakan pelan awal dibangunkan sejurus selepas transformasi SME Corp. Malaysia (dahulunya SMIDEC) pada tahun 2009. Rangka Kerja Strategik (2010-2015) adalah pelan hala tuju diwujudkan

untuk membimbing dan menetapkan haluan jangka pertengahan yang realistik untuk SME Corp. Malaysia.

Selaras dengan aspirasi dan halatuju RMKe-11 dan perubahan persekitaran ekonomi global, SME Corp. Malaysia telah merangka Pelan Strategik Perniagaan yang baharu bagi tempoh 2016-2020. Pendekatan interaktif telah digunakan dalam merangka Pelan Strategik Perniagaan SME Corp. Malaysia (2016-2020) bagi memastikan kepemilikan yang tinggi dan kefahaman bersama untuk semua.

Pendekatan interaktif menitikberatkan 2 prinsip penting iaitu:

- **Rangka Kerja Strategik** yang berfungsi sebagai struktur teras menyokong dan memandu keseluruhan proses merangka pelan strategik; dan
- **Pelaksanaan Pelan** yang mengambilkira kemudahan dan cabaran yang wujud atau unik kepada persekitaran operasi yang boleh menentukan keberkesanannya dan hasil pelaksanaan pelan tersebut.

Proses merangka pelan bermula dengan Analisis SWOT bagi meneliti struktur teras, fungsi dan isu semasa organisasi. Kenyataan Visi dan Misi serta Teras Strategik organisasi juga dikaji, diteliti dan dibincangkan.

Kekuatan dan kelemahan yang dikenalpasti daripada Analisis SWOT dibincangkan bagi memberikan pandangan yang lebih baik daripada perspektif dalam organisasi, manakala peluang dan ancaman digunakan untuk menganalisis perspektif luaran.

### **Rangka Kerja Strategik Baharu untuk SME Corp. Malaysia (2016-2020)**

Visi dan Misi semasa SME Corp. Malaysia adalah dipersetujui kekal relevan dalam mencapai objektifnya, manakala nilai-nilai teras dianggap diasimilasi dengan baik oleh kakitangan SME Corp. Malaysia. Walau bagaimanapun bagi memastikan penekanan strategik baharu selari dengan Pelan Induk PKS dan RMKe-11, Teras Strategik yang disemak semula akan diguna pakai.

6 Teras Strategik (ST) tersebut adalah:

- ST 1: Mewujudkan ekosistem pemboleh yang akan meningkatkan produktiviti, inovasi dan pertumbuhan tinggi PKS;
- ST 2: Membina kapasiti dan keupayaan PKS, termasuk Perusahaan Mikro dan usahawan;
- ST 3: Memperkuuh kerjasama strategik dalam pembangunan PKS dengan pelbagai pihak berkepentingan;
- ST 4: Meningkatkan akses kepada pasaran untuk PKS;
- ST 5: Meningkatkan akses kepada pembiayaan bagi PKS; dan
- ST 6: Meningkatkan akses kepada maklumat, komunikasi dan teknologi untuk PKS.

Selain daripada penekanan dan halatuju yang disediakan oleh 6 Teras Strategik, pelaksanaan secara berkesan pelan strategik memerlukan kehadiran 3 pemboleh bagi menyokong kelancaran pelaksanaan semua program dan inisiatif.

3 pemboleh tersebut adalah:

- Tenaga kerja yang Berprestasi Tinggi dan Terlibat**

- Memperkasa pekerja dan meningkatkan kemajuan kerjaya.


- Operasi Moden dan Berdigital**

- Meningkatkan sistem sokongan yang akan menggalakkan penyampaian yang berkesan.


- Pangkalan Data Komprehensif dan Berwibawa**


- Memperluaskan peluang bagi memperolehi manfaat melalui akses dan ketersediaan data serta tadbir urus data yang lebih baik.

### Rangka Kerja Strategik Baharu untuk SME Corp. Malaysia (2016-2020)





## CARTA ORGANISASI SME CORP. MALAYSIA





## AHLI PERBADANAN





Encik Ashran Dato' Ghazi



(Mendiang) Datuk I.R. Shanta Kumar  
C. Sivasubramaniam



Dato' Hjh. Mariam Mas Yacob



Datuk Hj. Hashim Paijan



Datu Liaw Soon Eng



Puan Noraini Soltan



Datuk Hjh. Zabidah Ismail



Dato' Tan Yew Thong



Puan Che Nazli Jaapar  
(Setiausaha)

## PENGURUSAN KANAN



**Duduk dari kiri ke kanan:**

**Puan Karunajothi a/p Kandasamy**

Pengarah Kanan, Ekonomi & Perancangan Dasar

**Dato' (Dr.) Hafsa Hashim**

Ketua Eksekutif

**Puan Che Nazli Jaapar**

Ketua Pegawai Operasi

**Berdiri dari kiri ke kanan:**

**Puan Suraya Kulop Abdul Rahman**

Pengarah, Pengurusan Korporat

**Puan Sharifah Najwa Syed Abu Bakar**

Pengarah, Koordinasi Program (Wanita & Kerjasama Antarabangsa)

**Encik Mohd Izham Abdullah**

Pengarah, Koordinasi Program (MPPK & Bumiputera)

**Encik Mohd Rithaudden Makip**

Pengarah, Khidmat Nasihat & Sokongan Perniagaan

**Encik Zaky Moh**

Pengarah, Teknologi Maklumat

**Puan Mimi Razidah Abd. Razak**

Pengarah, Unit Transformasi Strategik

**Tiada dalam gambar:**

**Encik Isham Ishak**

Timbalan Ketua Eksekutif (Penyelarasian & Pembangunan)

**Encik Saifol Bahri Mohamad Shamlan**

Timbalan Ketua Eksekutif (Pelaksanaan)

**Encik Meor Kamal Azhar Meor Hamzah Lotfi**

Pengarah Kanan, Pembangunan Perniagaan

**Puan Nazatul Shima Reza**

Pengarah, Komunikasi Korporat

## PROGRAM DAN INISIATIF TERAS

"SME Corp. Malaysia telah memainkan peranan penting dalam menyokong aspirasi perniagaan kami melalui pemberian bantuan kewangan bagi membiayai rancangan pengembangan perniagaan kami serta mempromosi produk herba jenama tempatan kami 'Jamu Mak Dara'. Kami juga telah mendapat manfaat daripada penyertaan dalam bengkel-bengkel yang dianjurkan oleh SME Corp. Malaysia seperti penjenamaan dan pembungkusan produk, serta perancangan dan pengembangan perniagaan, antara lainnya. Kami kini bersedia untuk menjadi jenama jamu yang terkemuka di Malaysia."

**JAMU MAK DARA SDN. BHD.**






**PENCAPAIAN PROGRAM  
PEMBANGUNAN PKS DAN INISIATIF  
YANG TELAH DIJALANKAN OLEH  
SME CORP. MALAYSIA PADA  
TAHUN 2015**

**PENARAFAN DAYA SAING**

**1. PENARAFAN DAYA SAING PKS BAGI  
PENINGKATAN (SCORE)**

Dalam usaha memacu pertumbuhan PKS, SME Corp. Malaysia telah mewujudkan alat penilaian kuantitatif bagi menilai impak program-program yang dikendalikan ke atas pertumbuhan PKS. Alat pengukuran prestasi perniagaan yang boleh dipercayai adalah penting bagi membantu PKS berpotensi tinggi untuk menanda aras prestasi dan maju menuju sasaran yang ditetapkan, seiring dengan usaha mereka untuk berinovasi dan meningkatkan produktiviti.

Penarafan Daya Saing PKS untuk Peningkatan (SCORE) merupakan alat diagnostik yang dibangunkan sendiri oleh SME Corp. Malaysia pada Julai 2007 bagi menilai dan memberi penarafan ke atas daya saing PKS dalam 7 bidang, iaitu Prestasi Perniagaan, Keupayaan Kewangan, Keupayaan Teknikal, Kapasiti Pengeluaran, Inovasi, Sistem Kualiti dan Keupayaan Pengurusan. SCORE bertujuan



untuk mengenal pasti kekuatan dan kelemahan PKS bagi menyarankan langkah-langkah penambahbaikan untuk mencapai tahap prestasi lebih tinggi. Ianya juga bermatlamat memudahkan kerjasama dan jaringan di antara PKS berpotensi tinggi dengan syarikat besar dan MNC, serta menggalakkan syarikat sedia eksport untuk menggunakan sumber dan program yang ditawarkan oleh Perbadanan Pembangunan Perdagangan Luar Malaysia (MATRADE).

Mekanisme penarafan SCORE mengategorikan syarikat pada skala 0 Bintang hingga 5 Bintang yang mencerminkan kecekapan, kekuatan dan kelemahan syarikat yang dinilai. Syarikat yang dinilai 0 Bintang sehingga 2 Bintang akan diberi bantuan bimbingan rapi melalui pelbagai program bagi meningkatkan keupayaan mereka. Syarikat yang mendapat penarafan 3 Bintang ke atas pula akan dipilih untuk menyertai misi perdagangan dan program rantaian.

Sejak pelancarannya, sebanyak 7 model SCORE telah dibangunkan di mana 5 daripadanya dibentuk dengan kerjasama beberapa Agensi berkaitan, iaitu Perbadanan Ekonomi Digital Malaysia (MDEC) (dahulunya dikenali sebagai Perbadanan Pembangunan Multimedia), Perbadanan Usahawan Nasional Berhad (PUNB), Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan (CIDB) Malaysia, Kementerian Pertahanan Malaysia dan Perbadanan Pembangunan Perkhidmatan Profesional (PSDC). SCORE juga digunakan oleh Kementerian dan Agensi lain sebagai mekanisme bagi memastikan bantuan disediakan kepada kumpulan sasaran adalah telus, tertumpu dan menyeluruh.

Selain daripada objektif untuk mewujudkan penarafan SCORE yang boleh dipercayai dan berkualiti di Malaysia, SME Corp. Malaysia juga berhasrat untuk memperkenalkan proses ini sebagai mekanisme global yang dapat membentuk papan petunjuk dengan kriteria prestasi dan proses yang seragam untuk PKS. Penilaian yang seragam ini akan membolehkan PKS tempatan, serantau dan antarabangsa membangun dan bersaing di atas tapak yang sama rata.

Sehingga 2015, sebanyak 20,696 PKS telah menjalani proses penilaian SCORE. Daripada jumlah tersebut, 7.2% mendapat penarafan 4 Bintang, 38.5% menerima penarafan 3 Bintang, dan 54.1% memperolehi 2 Bintang ke bawah, manakala 0.2% telah meraih penarafan 5 Bintang. Pada tahun 2015 sahaja, sebanyak 3,467 PKS telah mendapat penarafan seperti

STATUS SCORE			
PENGARAHAN	2015	2014	2013
0 Bintang	2	2	6
1 Bintang	229	230	182
2 Bintang	1,424	1,249	1,219
3 Bintang	1,473	1,527	1,411
4 Bintang	331	293	265
5 Bintang	8	3	7
<b>Jumlah PKS Diberi Penarafan</b>	<b>3,467</b>	<b>3,304</b>	<b>3,090</b>

berikut: 0 Bintang: 2 PKS; 1 Bintang: 229 PKS; 2 Bintang: 1,424 PKS; 3 Bintang: 1,473 PKS; 4 Bintang: 331 PKS dan 5 Bintang: 8 PKS.

#### e-SCORE: Sistem Penilaian Kendiri SCORE


Penilaian atas talian khusus bagi Penarafan Daya Saing PKS untuk Peningkatan (SCORE) atau e-SCORE telah dilancarkan pada 20 Oktober 2015. e-SCORE merupakan penambahbaikan kepada sistem SCORE manual yang membolehkan PKS melakukan penilaian kendiri atas talian dengan 3 langkah mudah dan mengurangkan tempoh pemprosesan SCORE sebanyak 7 hari. Dengan e-SCORE, penilaian menjadi lebih mudah dan pantas, serta dapat memberi manfaat kepada bilangan PKS yang lebih tinggi. PKS seterusnya boleh memperolehi faedah besar melalui program, kemudahan dan rantaian yang disediakan oleh SME Corp. Malaysia.

Penilaian atas talian tersedia di [www.score.gov.my](http://www.score.gov.my). PKS boleh membuat penilaian sendiri dalam menentukan kesediaan mereka untuk menerokai pasaran antarabangsa dan bersaing dengan pemain global. Alat pemerkasaan ini membantu mereka untuk memahami kedudukan semasa perniagaan dan mengambil tindakan yang perlu bagi meningkatkan prestasi syarikat. Ianya juga membolehkan PKS berkembang menjadi lebih berdaya saing, inovatif dan berdaya tahan.

## 2. PENARAFAN DAYA SAING PERUSAHAAN MIKRO UNTUK PENINGKATAN (M-CORE)

M-CORE adalah alat penilaian daya saing dipermudah yang diperkenalkan dengan kriteria tertentu, dibentuk bagi memenuhi keperluan khusus Perusahaan Mikro. M-CORE mengukur prestasi dan keupayaan Perusahaan Mikro dalam 4 bidang utama iaitu perniagaan, kewangan, operasi dan pengurusan.

Sehingga kini, 2,589 Perusahaan Mikro telah dinilai di bawah M-CORE. Pada tahun 2015, sebanyak 696 Perusahaan Mikro telah diberi penarafan seperti berikut: Tahap 1: 158; Tahap 2: 502; dan Tahap 3: 36 Perusahaan Mikro.



STATUS M-CORE			
PENARAFAN	2015	2014	2013
Tahap 1	158	101	106
Tahap 2	502	333	354
Tahap 3	36	16	20
<b>Jumlah Perusahaan Mikro Diberi Penarafan</b>	<b>696</b>	<b>450</b>	<b>480</b>

#### Rakan Kerjasama Strategik SCORE

Sehingga kini, lebih 20,000 PKS tempatan yang telah dinilai membuktikan bahawa SCORE telah membantu mereka mengembangkan perniagaan. Ini dapat dilakukan melalui kerjasama yang telah dijalankan oleh SME Corp. Malaysia dengan rakan-rakan kerjasama strategik. Kerjasama ini diperkuuhkan lagi dengan pemeritaian Memorandum Perjanjian (MoA) di antara pihak-pihak yang berkenaan yang telah diadakan serentak dengan pelancaran e-SCORE, dan disaksikan oleh Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri pada 20 Oktober 2015.

Pada masa ini, rakan-rakan kerjasama strategik SCORE termasuk Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan (CIDB) Malaysia, Perbadanan Usahawan Nasional Berhad (PUNB), Kementerian Pertahanan Malaysia, Perbadanan Ekonomi Digital Malaysia (MDEC), SME Bank, Perbadanan Produktiviti Malaysia (MPC), Perbadanan Pembangunan Industri Halal (HDC), Technology Park Malaysia (TPM), Telekom Malaysia Berhad, Lembaga Perindustrian Kayu Malaysia (MTIB), Agensi Pelaksanaan Koridor Utara (NCIA), Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah Malaysia (KKLW), Perbadanan Kemajuan Kraftangan Malaysia (Kraftangan Malaysia), Majlis Amanah Rakyat (MARA), GIATMARA, Lembaga Koko Malaysia, Yayasan Peneraju Pendidikan Bumiputera, Pembangunan Sumber Manusia Berhad (PSMB), Perbadanan Kemajuan Negeri, Negeri Sembilan (PKNNS), Lembaga Kemajuan Tanah Persekutuan (FELDA) dan Kementerian Pembangunan Perindustrian Sarawak (MID Sarawak).

#### AKSES PASARAN

## 1. PROGRAM RANTAIAN PERNIAGAAN (BLing)

Jaringan sistematis dan pintar adalah untuk mengenal pasti sinergi dan mewujudkan rantaian di antara PKS dan syarikat besar, MNC dan syarikat berkaitan Kerajaan (GLC) bagi meneroka peluang pertumbuhan. SME Corp. Malaysia memperkenalkan Program Rantaian Perniagaan (BLing) bagi mewujudkan peluang perniagaan menerusi Sesi Pemadanan Perniagaan. Sesi ini dijalankan semasa acara-

acara teras tahunan SME Corp. Malaysia, serta pelbagai platform dan peluang yang lain. Pada 2015, program ini telah menjana sejumlah RM484.94 juta potensi jualan menerusi 616 Sesi Pemadanan Perniagaan yang melibatkan penyertaan 347 PKS.

#### JUMLAH KESELURUHAN SESI PEMADANAN PERNIAGAAN PADA TAHUN 2015

Acara Teras	Bil. PKS	Bil. Rantaian Perniagaan	Potensi Jualan (RM juta)
ASSC 2015	122	276	418.54
Minggu PKS 2015	132	175	60.03
SDSI 2015	93	165	6.37
<b>JUMLAH</b>	<b>347</b>	<b>616</b>	<b>484.94</b>

## 2. PAMERAN & PERSIDANGAN PKS ASEAN 2015 (ASSC 2015)

Pameran & Persidangan PKS ASEAN (ASSC) 2015 yang dianjurkan pada 26-28 Mei 2015 di Kuala Lumpur adalah salah satu daripada inisiatif perintis yang dilaksanakan semasa Malaysia menjadi pengurus Sidang Kemuncak ASEAN pada 2015. ASSC 2015 telah mencapai matlamatnya dalam memperkenalkan komitmen, keazaman dan semangat Malaysia mempromosikan agenda ASEAN dan mencapai matlamat Komuniti Ekonomi ASEAN (AEC). Ianya telah terbukti sebagai platform produktif bagi menjalin hubungan dua hala dan membentuk peluang masa hadapan bagi PKS dari Malaysia dan rantau ASEAN secara keseluruhannya.

Bertemakan 'Satu Perniagaan, Satu Komuniti', ASSC 2015 telah menetapkan satu penanda aras baharu sebagai platform bertaraf dunia bagi PKS di seluruh rantau ASEAN memperkenalkan produk dan perkhidmatan mereka, yang bukan sahaja menunjukkan daya saing tetapi juga kesedian mereka untuk mengadakan perjanjian kerjasama dan pakatan strategik bagi pertumbuhan perniagaan.

Dengan Kerajaan Malaysia selaku tuan rumah, ASSC 2015 yang dianjurkan oleh Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri menerusi SME Corp. Malaysia, adalah satu kejayaan dalam pelbagai aspek, menarik seramai 10,384 pengunjung perdagangan. Pameran PKS ASEAN yang berlangsung selama 3 hari telah memaparkan 607 ruang pameran dengan penyertaan daripada 486 syarikat tempatan dan antarabangsa, serta Agensi Kerajaan. Direka untuk mewujudkan rantaian antarabangsa yang luas, acara ini telah menyaksikan penyertaan 62 PKS serantau dan antarabangsa dari Negara Anggota ASEAN, serta Rakan Dialog dan Dagang ASEAN seperti Amerika Syarikat, United Kingdom, Hong Kong, Jepun, Korea dan Sweden.



Timbalan Perdana Menteri Malaysia bersama-sama Menteri ASEAN di Majlis Perasmian ASSC 2015

Platform ASEAN Business XchanGe telah mencatatkan RM418.54 juta nilai potensi jualan dan menjana pinjaman berjumlah RM133.5 juta, yang telah menjangkau sasaran yang ditetapkan, melalui 276 Sesi Pemadanan Perniagaan. Empat sektor teratas dengan nilai potensi jualan tertinggi adalah Elektrikal & Elektronik, LED/SSL, Jentera & Kejuruteraan dan Pembinaan Kapal / Pembaikan Kapal yang merupakan sektor keutamaan di bawah Bidang Ekonomi Utama Negara (NKEA). Sesi Pemadanan Perniagaan telah menghasilkan perbincangan di antara 122 PKS dan 32 syarikat peneraju daripada pelbagai industri.

Persidangan PKS ASEAN telah menarik seramai 1,567 peserta tempatan dan antarabangsa, termasuk usahawan PKS, ahli korporat, penggubal dasar serta pakar dan pengamal industri. Kesemua sesi, termasuk Luncheon Talk dan Sesi Khas bersama Menteri, serta sesi pleno oleh penceramah dan panel bicara yang berwibawa daripada sektor awam dan korporat, telah mewujudkan perkongsian maklumat, idea dan pengalaman yang produktif.

Sebanyak 15 sesi Pocket Talk telah dijalankan dengan tujuan untuk membolehkan para peserta dan pengunjung mempelajari dan memperolehi maklumat dan pengetahuan mengenai pelbagai aspek perniagaan.

#### Platform ASEAN Business XchanGe

SESI PEMADANAN PERNIAGAAN	SASARAN	PENCAPAIAN
Nilai Potensi Jualan	RM400 juta	RM418.54 juta
Bil. Syarikat Peneraju	30	32
Bil. PKS	100	122

## PEMBANGUNAN JENAMA PKS

### 1. PROGRAM PENSIJILAN NATIONAL MARK OF MALAYSIAN BRAND

SME Corp. Malaysia dengan kerjasama SIRIM QAS International Sdn. Bhd. telah membangunkan *National Mark of Malaysian Brand* (NMMB) yang kini menjadi lambang Kualiti, Kecemerlangan dan Keunggulan. Dilancarkan pada 2 Mac 2009, objektif utama program pensijilan ini adalah bagi meningkatkan kebolehlilahan produk dan perkhidmatan Malaysia di pasaran tempatan dan antarabangsa. Bertujuan untuk mengubah tanggapan bahawa produk dan perkhidmatan tempatan adalah berkualiti rendah dan kurang dipercayai dengan standard pembungkusan yang kurang baik berbanding jenama besar, NMMB telah berjaya membantu PKS Malaysia membina kredibiliti dan reputasi untuk kualiti.

SME Corp. Malaysia menyokong PKS yang telah menerima pensijilan dengan:

- Menawarkan insentif kepada setiap syarikat yang layak di bawah Polisi Laluan Hijau untuk Program *Business Accelerator* (BAP) bagi menampung perbelanjaan yang berkaitan dengan Pengiklanan & Promosi, Sistem Pengurusan Kualiti, dan Reka Bentuk & Pembungkusan;
- Memudahkan akses kepada promosi perdagangan tempatan dan antarabangsa serta aktiviti Pengiklanan & Promosi yang dianjurkan oleh pelbagai Kementerian dan Agensi;
- Mempelawa PKS menghadiri program-program khusus yang dianjurkan oleh SME Corp. Malaysia dan rakan-rakan kerjasamanya; dan
- Menyediakan pendedahan atau liputan media istimewa.

Pada masa ini, NMMB telah mendaftarkan cap dagangannya di Malaysia, Jepun, Republik Korea, Belgium / Belanda / Luxembourg, Thailand, Australia dan Amerika Syarikat. Sehingga 31 Disember 2015, sejumlah 120 syarikat telah diberi pensijilan NMMB, di mana 16 syarikat telah mendapat pensijilan pada tahun 2015.

#### Taklimat Insentif Laluan Hijau untuk *National Mark of Malaysian Brand*

Dianjurkan pada 20 Mei 2015 di Kuala Lumpur, objektif sesi taklimat ini adalah untuk memberi maklumat mengenai prosedur tuntutan dan aktiviti-aktiviti yang boleh dituntut di bawah insentif tersebut kepada syarikat-syarikat yang telah mendapat pensijilan *Malaysian Brand*. Sebanyak 30 syarikat telah menghadiri sesi tersebut. Di samping itu, Malaysian Debt Venture Berhad dan Cradle Fund Sdn. Bhd. telah turut memberi taklimat mengenai pelbagai bantuan kewangan lain yang ditawarkan oleh mereka pada majlis itu.

#### *National Mark of Malaysian Brand: Peraduan 'Spot the Mark'*

Majlis penyampaian hadiah bagi Peraduan 'Spot the Mark' NMMB telah diadakan pada 28 Mei 2015 sebagai acara sampingan semasa Pameran & Persidangan PKS ASEAN 2015 (ASSC 2015). Peraduan 'Spot the Mark'



telah diadakan dari 15 November hingga 28 Disember 2014. Objektif peraduan ini adalah untuk mempromosikan Program Pensijilan NMMB dan meningkatkan kesedaran orang ramai mengenai kepentingan penjenamaan.

### 2. GALERI PENJENAMAAN DAN PEMBUNGKUSAN BERGERAK ('BRAND TRANSFORMER')

Sebagai institusi terulung yang bertanggungjawab ke atas pembangunan PKS di Malaysia, tanggungjawab dan pendekatan SME Corp. Malaysia adalah tertumpu kepada 'keterangkuman', dengan penyertaan lebih besar PKS luar bandar dan pinggir bandar dalam program dan inisiatif yang dilaksanakan. Galeri Penjenamaan dan Pembungkusan Bergerak ini adalah kerjasama sektor awam-swasta di antara SME Corp. Malaysia, SIRIM QAS International Sdn. Bhd., Perbadanan Harta Intelek Malaysia (MyIPO), Persekutuan Pengilang-Pengilang Malaysia (FMM) dan Pusat Pembangunan Reka Bentuk Malaysia (DDEC). Ianya bertujuan untuk mewujudkan kesedaran mengenai kepentingan penjenamaan dan pembungkusan inovatif bagi memenuhi keperluan pasaran global. Galeri bergerak ini menjangkau khususnya PKS luar bandar di seluruh negara bagi meningkatkan kesedaran mereka mengenai kepentingan penjenamaan dan pembungkusan untuk mempromosikan barang dan perkhidmatan, selain memberi PKS latihan berkenaan penjenamaan dan pembungkusan.

Galeri bergerak ini, yang dibentuk daripada sebuah kontena berukuran 40 kaki panjang, telah diubahsuai serta dilengkapi dengan paparan sampel dan bahan pembungkusan interaktif, mesra pengguna dan inovatif yang digelar 'Brand Transformer'. Dilancarkan pada tahun 2012, 'Brand Transformer' berfungsi sebagai 'alat pengantaraan' bagi menunjuk ajar PKS di kawasan luar bandar mengenai faedah menggunakan pembungkusan, teknologi dan bahan yang sesuai dan menarik untuk meningkatkan penjenamaan dan pembungkusan. Di Sabah dan Sarawak serta kawasan-kawasan terpencil di Semenanjung Malaysia, galeri penjenamaan mudah pasang siap 'Branding Pack & Go' digunakan bagi menggantikan 'Brand Transformer'.

Pengwujudan galeri bergerak ini adalah selaras dengan matlamat Pelan Induk PKS untuk mendorong PKS ke tahap yang lebih tinggi dalam produktiviti, inovasi dan pertumbuhan mereka. Ianya memenuhi sasaran Program Berimpak Tinggi 6: Keterangkuman Inovasi yang menyarankan transformasi komuniti di kawasan luar bandar termasuk Perusahaan Mikro.

Pada tahun 2015, galeri bergerak ini telah mengunjungi 8 lokasi iaitu Kampar, Perak; Johor Bahru, Johor; Gong Badak, Terengganu; Tasik Gelugor, Pulau Pinang; Alor Star, Kedah; Jerantut, Pahang; Port Dickson, Negeri Sembilan; dan Pontian, Johor. Sebanyak 8 sesi latihan telah dianjurkan dengan penyertaan sejumlah 1,149 peserta.

## PEMBANGUNAN USAHAWAN BUMIPUTERA

### 1. PROGRAM PENINGKATAN PERUSAHAAN BUMIPUTERA (BEEP)

Program Peningkatan Perusahaan Bumiputera (BEEP) adalah program khusus bertujuan untuk mewujud dan membangunkan PKS Bumiputera yang berdaya saing, berdaya tahan dan dinamik melalui bantuan bersepada yang menyeluruh. Ia menggunakan pendekatan bimbingan rapi yang memberi tumpuan kepada pengukuhan teras perniagaan, pembinaan kapasiti dan keupayaan, peningkatan produktiviti dan penyediaan akses kepada pembiayaan. Ianya termasuk bantuan untuk Pembungkusan dan Pelabelan, Pensijilan dan Sistem Pengurusan Kualiti, Penambahbaikan Produk dan Proses, serta Pengiklanan, Promosi dan Penjenamaan.

BEEP dilaksanakan di Pejabat-pejabat Negeri SME Corp. Malaysia dengan kerjasama 11 Kerajaan Negeri, iaitu Johor, Kedah, Kelantan, Melaka, Negeri Sembilan, Pahang, Pulau Pinang, Perak, Sabah, Sarawak dan Terengganu. Bermula Julai 2013, BEEP telah diperluaskan ke Selangor dan Kuala Lumpur.

Sehingga 31 Disember 2015, sebanyak 512 syarikat Bumiputera telah menerima bantuan kewangan dalam bentuk geran bersamaan berjumlah RM61.29 juta. Daripada jumlah ini, RM7.85 juta telah diluluskan untuk 59 syarikat Bumiputera pada tahun 2015. Pulau Pinang dan Melaka mencatatkan kelulusan tertinggi

masing-masing dengan 87 kelulusan (RM10.05 juta) dan 113 kelulusan (RM7.04 juta). Kebanyakan daripada kelulusan tersebut adalah untuk Penambahbaikan Produk dan Proses, Pembungkusan Produk, serta Persijilan dan Sistem Pengurusan Kualiti.

### 2. PROGRAM TUNAS USAHAWAN BELIA BUMIPUTERA 2.0 (TUBE 2.0)



Program Tunas Usahawan Belia Bumiputera (TUBE) merupakan inisiatif Kerajaan bagi mendorong generasi belia mencebur ke bidang perniagaan. Program ini yang telah diumumkan oleh Perdana Menteri Malaysia dengan peruntukan permulaan berjumlah RM10 juta, dibentuk untuk menggalakkan belia Bumiputera yang berusia antara 18 dan 40 tahun melibatkan diri dalam bidang keusahawanan. Objektif program ini termasuk:

- Menerapkan budaya keusahawanan;
- Mewujudkan anjakan paradigma daripada pekerja kepada pemilik perniagaan yang menawarkan pekerjaan; dan
- Membentuk daya tahan dan kemampunan usahawan.

Program TUBE 2.0 telah dilancarkan pada 23 Jun 2015 berikutan kejayaan Program TUBE 1.0 yang julung kali diadakan pada 2014. Sehingga 31 Disember 2015, seramai 443 peserta TUBE 1.0 telah mendaftarkan perniagaan mereka yang mana telah menjana jualan terkumpul bernilai RM17.8 juta dan menghasilkan sebanyak 848 peluang pekerjaan. Dengan peruntukan sebanyak RM10 juta, TUBE 2.0 telah mensasarkan pendaftaran 500 belia termasuk 100 graduan daripada Skim Latihan 1Malaysia (SL1M). SME Corp. Malaysia telah bekerjasama dengan rakan strategik baharu dari kalangan Kementerian dan Agensi berkaitan, bank dan persatuan bagi melaksanakan TUBE 2.0, iaitu Telekom Malaysia Berhad, SME Bank, Maybank Berhad, Credit Guarantee Corporation, 9 TERAJU EDEC Xclusive dan ABX Express Sdn. Bhd.

Sebanyak 7,442 permohonan telah diterima melalui sistem permohonan atas talian TUBE 2.0, di mana 5,486 permohonan telah memenuhi kriteria kelayakan. Sebahagian besar pemohon adalah dari Selangor dan Kuala Lumpur (24.3%). Seramai 500 peserta telah disenarai pendek untuk menyertai program ini bertempat di 10 Kem PLKN di 10 negeri iaitu Kedah,



Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri di Majlis Pelancaran TUBE 2.0 di Pasir Mas, Kelantan

Perak, Negeri Sembilan, Melaka, Johor, Pahang, Kelantan, Terengganu, Sabah dan Sarawak dari 1 hingga 21 November 2015. Seramai 495 peserta telah berjaya menamatkan Fasa 1 dan Fasa 2, dan seterusnya mara ke Fasa 3 program berkenaan.

Para peserta telah menjalani program selama 21 hari di bawah Fasa 1 (7 hari) dan Fasa 2 (14 hari). Fasa-fasa ini menguji kekuatan mental, keberanian, kepimpinan dan semangat berpasukan peserta. Dalam Fasa 2, para peserta diberi pendedahan untuk meningkatkan pengetahuan perniagaan, termasuk operasi perniagaan yang berkesan dan menjalankan perniagaan atas talian, melalui aktiviti perniagaan berkumpulan.

Setelah berjaya menamatkan 2 fasa tersebut, para peserta telah diberikan bantuan kewangan dalam bentuk geran RM15,000 seorang bagi membantu mereka memulakan perniagaan. Fasa 3 merupakan kesinambungan kepada latihan dan sokongan kepada peserta melalui Sistem *Buddy* yang dilaksanakan oleh SME Corp. Malaysia, di mana Kaunselor Perniagaan SME Corp. Malaysia telah menyediakan bimbingan dan sokongan bagi memastikan kemampuan perniagaan para peserta dalam tempoh 12 bulan pertama.

### **3. IPO SEMINAR 2015: STAIRWAY TO LISTING**

Seminar ini dianjurkan oleh SME Corp. Malaysia dengan kerjasama Bursa Malaysia Berhad, MIDF Investment Bank Berhad, Unit Peneraju Agenda Bumiputera (TERAJU) dan Majlis Amanah Rakyat (MARA). Ianya bertujuan untuk membolehkan PKS lebih memahami proses dan prosedur yang terlibat dalam usaha penyenaraian awam, serta menyediakan maklumat mengenai manfaat pasaran awam dan kelebihan penyenaraian. Objektif seminar ini juga adalah untuk meningkatkan kerjasama di antara sektor awam dan sektor swasta dalam membangunkan PKS untuk penyenaraian, khususnya PKS Bumiputera yang berpotensi.

Seramai 117 peserta dari 73 syarikat telah mengambil bahagian dalam *IPO Seminar 2015* yang diadakan pada 12 Oktober 2015. Daripada maklum balas yang diterima, 20 syarikat telah menyatakan hasrat untuk disenaraikan dalam tempoh 1-5 tahun. Sebanyak 4 syarikat telah menghadiri Klinik-klinik Penyenaraian mengenai proses dan prosedur IPO yang dianjurkan oleh Bursa Malaysia serta pra-pembiayaan IPO anjuran MIDF Investment Bank.

Sejak penganjuran *IPO Seminar* yang julung kali diadakan pada 2011, sebanyak 20 syarikat telah terpilih untuk menghadiri Klinik-klinik Penyenaraian yang dianjurkan oleh Bursa Malaysia. Ini membolehkan mereka berpeluang untuk berkembang, mempromosikan produk dan perkhidmatan melalui liputan media yang lebih meluas, serta meningkatkan sistem pengurusan, kewangan dan operasi perniagaan. Sehingga kini, 3 syarikat telah disenaraikan di Pasaran Utama dan Pasaran ACE selepas menghadiri seminar-seminar IPO yang telah dianjurkan terdahulu.

## **PEMBANGUNAN KAPASITI**

### **1. PROGRAM BUSINESS ACCELERATOR (BAP) DAN PROGRAM ENRICHMENT & ENHANCEMENT (E<sup>2</sup>)**

Program Business Accelerator (BAP) dan Program Enrichment & Enhancement (E<sup>2</sup>) telah diperkenalkan untuk membangun dan memupuk PKS dan Perusahaan Mikro yang dinamik, berdaya saing dan berdaya tahan melalui pakej bersepada. Program-program ini bertujuan bagi meningkatkan keupayaan PKS untuk bersaing di pasaran tempatan dan antarabangsa. Program-program ini dimulakan dengan penilaian ke atas keupayaan perniagaan semasa syarikat yang mengambil bahagian, diikuti dengan pembangunan pelan tindakan untuk peningkatan perniagaan. Bantuan kemudian diberikan berdasarkan penilaian dalam bentuk pembinaan kapasiti, khidmat nasihat, sokongan teknikal, akses pasaran, jaringan atau bantuan kewangan.

### **BAP & E<sup>2</sup> SEHINGGA 31 DISEMBER 2015**

<b>Program</b>	<b>Permohonan yang Diluluskan (Bantuan Kewangan)</b>		<b>Nilai yang Diluluskan (RM juta)</b>	
	<b>Geran Bersamaan</b>	<b>Pinjaman</b>	<b>Geran Bersamaan</b>	<b>Pinjaman</b>
<b>BAP</b>	579	145	55.17	77.65
<b>E<sup>2</sup></b>	233	124	9.64	5.2
<b>1-InnoCERT</b>	96	-	41.6	-
<b>NMMB</b>	87	-	36.2	-
<b>Jumlah</b>	<b>995</b>	<b>269</b>	<b>142.61</b>	<b>82.85</b>
<b>JUMLAH BESAR</b>	<b>1,264</b>		<b>225.46</b>	

Bantuan kewangan ini terdiri daripada geran bersamaan dan pinjaman mudah yang disediakan bagi menyokong PKS di bawah BAP dan Perusahaan Mikro di bawah E<sup>2</sup> untuk meningkatkan perniagaan. Sejak program-program ini diperkenalkan pada tahun 2011 sehingga 31 Disember 2015, sebanyak 1,264 permohonan daripada PKS telah diluluskan untuk bantuan kewangan berjumlah RM225.46 juta.

SME Corp. Malaysia komited dalam membantu PKS dan Perusahaan Mikro untuk berhubung, berkembang dan maju melalui pelbagai bentuk peningkatan perniagaan, seperti pembangunan produk, penambahbaikan pembungkusan produk, inovasi perniagaan, pematuhan kepada piawaian antarabangsa dan pensijilan, aktiviti pengiklanan dan promosi, peningkatan kapasiti pengeluaran melalui pembelian jentera dan kelengkapan, serta penerapan ICT. Kelulusan tertinggi untuk geran bersamaan adalah bagi peningkatan kapasiti pengeluaran yang merangkumi 57.71% daripada peruntukan program. Ini jelas mencerminkan usaha syarikat-syarikat untuk meningkatkan produktiviti dengan mengurangkan kebergantungan kepada pekerja kurang mahir.

## **2. PROGRAM SME-UNIVERSITY INTERNSHIP**

Program *SME-University Internship* merupakan satu inisiatif bagi menghubungkan PKS kepada universiti sebagai sebahagian daripada usaha Kerajaan dalam meningkatkan sinergi antara industri dan universiti bertujuan untuk meningkatkan kapasiti dan keupayaan PKS. Program ini juga menawarkan peluang kepada para pelajar untuk mengaplikasi pengetahuan mereka dalam persekitaran perniagaan sebenar dan mempelajari amalan terbaik perniagaan dengan bimbingan pensyarah dan Kaunselor Perniagaan SME Corp. Malaysia, serta melalui interaksi dengan pemilik PKS.

Sejak dilancarkan pada 2008, program ini telah mendapat sambutan daripada 16 universiti awam serta memanfaatkan 1,710 pelajar dan 337 PKS. Pada tahun 2015, sebanyak 15 universiti telah melaksanakan program ini dengan penyertaan 288 pelajar dan 57 PKS. Kejayaan program ini terbukti di mana para peserta dapat membantu syarikat meningkatkan jualan sebanyak 20%

40%. Di samping itu, setelah menamatkan program ini, kebanyakan pelajar lebih berkeyakinan untuk memulakan perniagaan mereka sendiri.

### ***SME-University Internship 2015 Championship***

*SME-University Internship 2015 Championship* yang dianjurkan buat kali ke-4 merupakan kemuncak kepada Program *SME-University Internship*. Kejohanan ini yang telah diadakan pada 3 November 2015 di Kuala Lumpur bagi menobatkan Perunding Muda terbaik berdasarkan pencapaian mereka dalam memberi khidmat runding cara kepada PKS yang terpilih. Universiti Teknologi MARA (UiTM) telah diumumkan sebagai juara, diikuti oleh Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI) sebagai naib juara, manakala Universiti Teknikal Malaysia Melaka (UTeM) telah mendapat tempat ketiga. Tiga pemenang utama kejohanan yang terdiri daripada pelajar dan PKS telah menerima hadiah wang tunai bernilai lebih daripada RM35,000. Pasukan pemenang yang mempunyai sedikit atau tiada pengalaman, telah ditawarkan untuk menjalani latihan perantis selama 6-12 bulan di bawah Program Usahawan Perantis PUNB atau latihan pengurusan untuk tempoh 1-2 tahun dengan sebuah syarikat penerima pelaburan PUNB.

## **3. PROGRAM SME@UNIVERSITY**



Kepimpinan yang mantap adalah prasyarat untuk pertumbuhan PKS dan ianya amat diperlukan dalam pasaran yang

dinamik pada hari ini. Dengan matlamat untuk mengenal pasti dan membangunkan kepimpinan PKS yang berkebolehan dan berpotensi, SME Corp. Malaysia dengan kerjasama Pembangunan Sumber Manusia Berhad (PSMB) dan Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) telah membentuk Program *SME@University* pada tahun 2011. Program ini telah dibangunkan berpandu kepada model latihan Universiti PKS Jepun dengan kerjasama Pertubuhan untuk Perusahaan Kecil & Sederhana dan Inovasi Serantau Jepun (SME Support, JAPAN).

Objektif Program *SME@University* adalah bagi membangunkan pegawai pengurusan tertinggi syarikat (CEO) PKS Malaysia yang berkebolehan melalui peluang pembelajaran berstruktur di universiti di mana mereka boleh menimba pengalaman dan meningkatkan pengetahuan berkaitan keusahawanan serta pendedahan mengenai kaedah perniagaan terkini dari teori dan metodologi ke kemahiran aplikasi. Inisiatif ini membantu para CEO untuk membina wawasan khususnya dalam pemasaran kreatif, strategi pertumbuhan perniagaan, jaringan perniagaan inovatif dan kebolehan lain untuk menjadikan mereka CEO bertaraf dunia. Program ini menggunakan pendekatan separa bimbingan dan separa rundingan yang dikendalikan oleh para pakar dalam bidang khusus dan penceramah undangan yang mempunyai rekod prestasi dan pendedahan industri terpuji.

Sejak dimulakan pada 2011, sebanyak 8 universiti telah menyertai program ini yang masing-masing dijenamakan sebagai SME@UKM, SME@UPM, SME@UiTM, SME@IIUM, SME@UMK, SME@UUM, SME@HELP

University dan SME@UMS. Setakat ini seramai 444 CEO telah menyertai dan menerima manfaat daripada program ini. Berdasarkan penilaian impak yang dijalankan ke atas para peserta sesi 2011-2013, sebanyak 76% daripada responden menyatakan jualan mereka telah meningkat dengan kenaikan tertinggi dicatatkan sebanyak 100%. Dari segi pertumbuhan margin keuntungan, 95% responden menyatakan bahawa margin keuntungan mereka telah meningkat 1%-8%.

Bagi mempertingkatkan lagi keluk pembelajaran, 2 Kursus Lanjutan di bawah inisiatif SME@University telah diperkenalkan pada tahun 2013 iaitu Program Kepimpinan Lanjutan dan Kursus Lanjutan untuk SME@ University di Jepun. Setakat ini, seramai 17 CEO Malaysia yang merupakan graduan daripada Program SME@University telah diberi peluang untuk mengikuti Program Kepimpinan Lanjutan di universiti-universiti terkemuka terkemuka, iaitu Universiti Oxford, Universiti Cambridge dan Universiti Cranfield di United Kingdom, serta Universiti California, Berkeley di Amerika Syarikat.

Sementara itu, seramai 41 CEO graduan daripada program berkenaan telah berpeluang menyertai Kursus Lanjutan untuk SME@University di Jepun yang dianjurkan dengan kerjasama SME Support, JAPAN dan Universiti PKS Tokyo. Kursus yang disediakan ini telah memberi CEO yang terlibat satu platform interaktif bagi memperolehi wawasan baharu daripada PKS Jepun dan Agensi-agensi sokongan PKS Jepun serta mendapatkan peluang perniagaan dan jaringan.

#### **4. PROGRAM PEMENTORAN PKS**

Dengan semangat Kerjasama Awam-Swasta bagi membantu komuniti PKS merapatkan jurang di antara pelaksanaan dasar dan cabaran sebenar melalui penyelesaian pragmatik, SME Corp. Malaysia telah bekerjasama secara strategik dengan Nestlé (Malaysia) Berhad dan Perbadanan Pembangunan Industri Halal (HDC) untuk memperkenalkan Program Pemantoran PKS pada tahun 2009. Program ini adalah sebahagian daripada usaha berterusan untuk membangun, meningkatkan keupayaan dan menambahbaik prestasi perniagaan PKS tempatan dalam industri makanan dan minuman Halal di Malaysia bagi membolehkan mereka bersaing di pasaran global.

Melalui program ini, Nestlé, sebuah pengeluar global terkemuka makanan dan minuman Halal, berkongsi pengetahuan dan wawasannya mengenai prosedur Halal, amalan terbaik bagi industri makanan dan minuman Halal, serta ciri-ciri yang diperlukan untuk menjadi pembekal berwibawa kepada syarikat multinasional. Dengan kepimpinan dan bimbingan yang telah terbukti dalam bidang Halal, Nestlé telah memberi inspirasi dan dorongan kepada syarikat yang terlibat untuk menjalankan inisiatif berkaitan Halal selepas menyertai program ini.

Sejak tahun 2010, sejumlah 320 PKS dengan 452 peserta telah mendapat manfaat daripada program ini. Pada 2015, program ini telah mendapat maklumbalas yang menggalakkan daripada 77 PKS dengan jumlah keseluruhan 100 peserta yang telah mengikuti 4 sesi perkongsian yang diadakan di Terengganu, Kedah, Sabah dan Kuala Lumpur.

#### **5. PROGRAM PANEL PENASIHAT PAKAR PKS (SEAP)**

Pengalaman adalah amat berharga dan tiada pengganti. Berlandaskan kepercayaan ini, SME Corp. Malaysia telah mewujudkan Panel Penasihat Pakar PKS (SEAP) yang terdiri daripada sekumpulan pakar berpengalaman yang telah bersara dari pelbagai industri dan Agensi Kerajaan khusus. Di bawah program ini, panel pakar bukan sahaja menyediakan khidmat nasihat perniagaan dan teknikal, tetapi juga membimbing PKS untuk mengkaji semula dan menambahbaik operasi dan amalan perniagaan mereka secara berterusan.

Sehingga akhir Disember 2015, sejumlah 68 pakar industri dari pelbagai latar belakang telah dilantik. Sejak program ini dimulakan pada 2005, sebanyak 122 PKS telah melaksanakan langkah-langkah progresif dan perubahan positif, di mana 15 PKS telah menamatkan 30 fasa perundingan pada tahun 2015.

#### **TEKNOLOGI & INOVASI**

##### **1. PROGRAM LED/SSL 'HIJAU'**

Dengan matlamat untuk memacu Malaysia ke hadapan dalam industri LED/SSL, SME Corp. Malaysia telah dipertanggungjawabkan oleh Kerajaan untuk melaksanakan Program LED/SSL 'Hijau' (EPP10), di bawah NKEA Elektrik & Elektronik, bagi membangun syarikat LED/SSL tempatan menjadi juara global. Program ini bertujuan meningkatkan keupayaan syarikat



LED/SSL tempatan dengan menyediakan sokongan dalam bentuk geran separa untuk aktiviti penambahbaikan proses, pembangunan dan pengujian produk, serta pemerolehan pensijilan antarabangsa.

SME Corp. Malaysia telah melantik ISIS Innovation Limited (ISIS), syarikat subsidiari komersial di bawah Universiti Oxford, melalui wakil tempatannya, BDEC Resources Sdn. Bhd. (BDEC) untuk mempercepatkan pembentukan syarikat LED/SSL Malaysia yang bertaraf dunia. ISIS dan BDEC berperanan untuk meningkatkan pembinaan keupayaan syarikat Malaysia dalam kemahiran insaniah dan teknikal bagi membina asas yang perlu untuk menyeferakan aktiviti pengkomersialan dan pengantarabangsaan ke arah menjadi syarikat bertaraf dunia.


Setakat ini, 11 syarikat telah layak mengikuti Program LED/SSL ‘Hijau’ dan berjaya membentuk konsortium yang dinamakan ‘Malaysian LED Consortium’ (MLC). Syarikat-syarikat ini telah mencapai jualan terkumpul berjumlah RM116.97 juta sehingga 31 Disember 2015, iaitu 31.9% lebih tinggi daripada tahun 2014 yang merekodkan jualan terkumpul bernilai RM88.7 juta, serta telah melebihi sasaran RM110 juta yang ditetapkan bagi tahun berkenaan.

Sebanyak 7 syarikat telah berjaya memasuki Fasa 2 program ini di mana mereka diberi bantuan untuk mempercepatkan aktiviti pengkomersialan dan pengantarabangsaan. Bagi menyeferakan proses tersebut, SME Corp. Malaysia mengambil inisiatif meraih peluang pembiayaan untuk syarikat-syarikat tersebut daripada pemodal teroka dan pengurus dana di peringkat tempatan dan antarabangsa.

## **2. PROGRAM ENABLING E-PAYMENT FOR SMEs AND MICRO ENTERPRISES**

Selaras dengan visi Program Transformasi Digital (DTP) Kerajaan atau lebih dikenali sebagai ‘Digital Malaysia’, SME Corp. Malaysia dengan kerjasama Perbadanan Ekonomi Digital Malaysia (MDEC) telah melancarkan Program Enabling e-Payment Services for SMEs and Micro Enterprises pada tahun 2012. Matlamat inisiatif ini adalah untuk menggalakkan PKS dan Perusahaan Mikro untuk menggunakan pakai sistem e-Bayaran dengan memudahkan proses

### **Prestasi Jualan ‘Malaysian Led Consortium’ (MLC)**



dan mengurangkan kos pemerolehan. Program ini memperkenalkan peranti e-Bayaran berkos rendah yang boleh dihubungkan dengan infrastruktur jaringan syarikat yang sedia ada. Kumpulan sasaran program e-Bayaran yang mudah dan mampu milik ini adalah para pengusaha pasar tani, restoran kecil dan perniagaan kecil-kecilan yang bergantung kepada pasar malam, pasar lambak dan industri kampong.

Pada tahun 2015, sebanyak 13,846 PKS telah menggunakan pakai sistem e-Bayaran menerusi 22,336 terminal jualan (*merchant outlet point*) dengan nilai transaksi berjumlah RM2.61 bilion. Sehingga 31 Disember 2015, sebanyak 99,549 PKS telah menggunakan e-Bayaran melalui 178,717 terminal jualan, termasuk perniagaan berpremis dan perniagaan atas talian, dengan nilai transaksi berjumlah RM5.42 bilion. Inisiatif ini telah mewujudkan 1,211 peluang pekerjaan dan menyumbang RM54.78 juta kepada Pendapatan Negara Kasar (PNK).

## **3. JARINGAN PENYELIDIKAN AWAM-SWASTA (PPRN)**

Jaringan Penyelidikan Awam-Swasta (PPRN) adalah inisiatif baharu yang diterajui oleh Kementerian Pelajaran Malaysia (KPM) sebagai salah satu strategi untuk meningkatkan produktiviti dan memperkuuhkan pembangunan ekonomi negara melalui program-program inovasi dan pengkomersialan. Objektif kerjasama strategik ini adalah untuk mewujudkan ekosistem mesra pengetahuan, iaitu persekitaran di mana pengetahuan dihasilkan dan disebarluaskan kepada mereka yang memerlukannya.

Melalui kerjasama strategik ini, sinergi usaha sama di antara PKS, universiti dan industri akan menghasilkan platform ‘penyelesaian’ yang lebih berkesan untuk pengkomersialan produk R&D tempatan. Ini adalah selaras dengan RMKe-11 yang menekankan program-program yang didorong oleh produktiviti dan dipacu oleh inovasi.

Pada tahun 2015, sebanyak 549 PKS telah mendaftar permohonan untuk menyertai program ini di mana 304 projek telah berjaya dipadankan dengan pihak universiti dan institusi penyelidikan. Setakat 6 April 2016,

sejumlah 57 projek telah selesai dilaksanakan, manakala 247 projek masih lagi dalam peringkat pelaksanaan.

### Skop Projek



#### PEMBANGUNAN & INOVASI PRODUK

- Membangunkan produk, perkhidmatan, perisian atau komponen baharu.
- Menginovasi produk sedia ada bagi memenuhi keperluan pasaran.



#### PEMBANGUNAN & INOVASI PROSES

- Melaksana proses pengeluaran, kaedah penghantaran atau perkhidmatan yang baharu atau ditambahbaik secara ketara.
- Memperkemas pengeluaran bagi meningkatkan kecekapan dan penggunaan teknologi canggih.
- Membangunkan proses bagi meningkatkan pengeluaran.



#### PENINGKATAN NILAI DALAM RANTAIAN BEKALAN

- Mencari sumber komponen.
- Penyimpanan & logistik.
- Membangunkan penyelesaian Sistem Maklumat.

### 4. PROGRAM INNOVATION CERTIFICATION FOR ENTERPRISE RATING AND TRANSFORMATION (1-InnoCERT)

Dalam pasaran hari ini, inovasi adalah amat penting bagi memperolehi kebolehlilahan, perbezaan keluaran dan kelebihan daya saing. SME Corp. Malaysia sentiasa menggalakkan PKS untuk membangun dan melabur dalam idea berinovatif yang boleh berkembang menjadi jenama yang menguntungkan di masa hadapan. Program pensijilan 1-InnoCERT adalah satu usaha yang bertujuan untuk menggalak dan membangunkan PKS berinovasi di Malaysia dengan memanfaat dan mempergiatkan inovasi serta R&D tempatan.

Diperkenalkan pada tahun 2010, Program 1-InnoCERT mengenal pasti dan memberi pensijilan kepada PKS perintis yang berdaya cipta dalam menggunakan proses, teknologi atau produk dan perkhidmatan yang berinovatif bagi pertumbuhan mampan, serta menggalakkan usahawan mencebur industri berteknologi tinggi dan dipacu inovasi. Dengan penyertaan lebih banyak PKS dalam sektor bernilai tinggi, mereka akan dapat meningkatkan sumbangan mereka kepada ekonomi dan membantu Malaysia mencapai wawasannya untuk menjadi negara berpendapatan tinggi menjelang tahun 2020. Program ini menggunakan standard inovasi yang diiktiraf di peringkat antarabangsa dengan proses pensijilan yang dibangunkan daripada Program Pensijilan Korea Innobiz (Inovasi PKS).

Pada tahun 2015, sebanyak 33 PKS telah berjaya mendapat pensijilan 1-InnoCERT setelah menamatkan penilaian kendiri atas talian, serta proses audit dan pengesahan inovasi di lokasi yang dijalankan oleh SIRIM QAS International Sdn. Bhd. Sehingga 31 Disember 2015, sebanyak 4 syarikat telah menerima insentif kewangan berjumlah RM6.78 juta di bawah Polisi Laluan Hijau. Setakat ini, Baucar Inovasi bernilai RM45 juta, bagi memudahkan aktiviti-aktiviti termasuk R&D, A&P, Pensijilan dan Sistem Pengurusan Kualiti, Pembungkusan, serta Peningkatan Produk, Proses, dan Kapasiti Pengeluaran telah diperuntukkan bagi semua syarikat yang telah mendapat pensijilan 1-InnoCERT.

### AKSES KEPADA PEMBIAYAAN

#### 1. DANA KECEMASAN PKS (SMEEF)

Dana Kecemasan PKS (SMEEF) merupakan bantuan kewangan yang disediakan oleh SME Corp. Malaysia dengan kerjasama Malaysian Industrial Development Finance Berhad (MIDF) bagi meringankan beban PKS yang telah terjejas akibat bencana alam dan membolehkan mereka untuk membina semula perniagaan.

Dengan peruntukan sebanyak RM10 juta, SMEEF menyediakan pembiayaan sehingga RM100,000 untuk setiap syarikat. Skop pembiayaan adalah dalam bentuk hibrid yang merangkumi geran dan pinjaman mudah. Geran diberikan untuk pengubahsuaian premis perniagaan dan baik pulih jentera dan kelengkapan yang telah rosak, manakala pinjaman mudah pula diberikan untuk modal kerja termasuk bahan mentah (tidak meliputi gaji dan sewa), serta pembelian jentera dan kelengkapan, dan juga lekapan asas untuk premis.

#### Kelulusan untuk SMEEF

(Januari - Disember 2015)

NEGERI	PERMOHONAN DILULUSKAN	
	Bil. Permohonan	Nilai (RM juta)
Kelantan	459	2.99
Pahang	134	1.55
Perak	16	0.2
Terengganu	13	0.11
<b>JUMLAH</b>	<b>622</b>	<b>4.85</b>

SMEEF telah memberikan bantuan kewangan kepada PKS di beberapa kawasan di Kelantan, Terengganu, Pahang dan Perak yang telah terjejas akibat banjir besar akibat hujan lebat semasa monsun timur laut pada akhir tahun 2014. Pada 2015, sebanyak 622 permohonan daripada PKS di 4 negeri yang terjejas telah menerima kelulusan untuk bantuan kewangan berjumlah RM4.85 juta.

## **2. SKIM PEMBIAYAAN PKS PATUH SYARIAH (SSFS)**

Skim Pembiayaan PKS Patuh Syariah (SSFS) direka bagi menyediakan bantuan kewangan kepada PKS tempatan yang layak di mana mereka akan menerima rebat 2% (titik peratusan) daripada kadar keuntungan yang dikenakan ke atas pembiayaan yang disediakan oleh 12 institusi kewangan yang terlibat. Ianya merupakan satu program kerjasama di antara SME Corp. Malaysia dan Persatuan Institusi-institusi Perbankan Islam Malaysia (AIBIM).

Sejak dimulakan pada tahun 2012 sehingga 31 Disember 2015, sebanyak 874 PKS telah membuat permohonan berjumlah RM1.45 bilion, di mana sejumlah RM33.22 juta tuntutan rebat telah dibayar kepada 772 PKS yang layak.

## **3. PINJAMAN MUDAH UNTUK PKS (SLSME)**

Pinjaman Mudah untuk PKS (SLSME) telah dilancarkan pada Disember 2001 bagi menggalakkan pembangunan PKS di Malaysia. Skim ini menyediakan bantuan kewangan bagi projek, aset tetap dan modal kerja untuk perusahaan sedia ada dan baru mula. Dana untuk skim ini disalurkan oleh Kerajaan Malaysia melalui SME Corp. Malaysia kepada Malaysian Industrial Development Finance Berhad (MIDF) untuk pelaksanaan skim.

Sehingga 31 Disember 2015, sebanyak 2,505 syarikat telah menerima kelulusan untuk bantuan kewangan berjumlah RM1.97 bilion, di mana sejumlah 1.6 bilion telah diagihkan. Pada 2015, sebanyak RM173.03 juta telah diluluskan untuk 152 syarikat dan sejumlah RM263.21 juta telah diagihkan.

## **CAPAIAN**

### **1. MINGGU PKS 2015**

Minggu PKS 2015 telah diadakan di seluruh negara dari 30 Mei hingga 5 Jun 2015. Ianya merupakan tahun ke-4 penganjurannya sejak dilancarkan pada 2012. Sebanyak 168 aktiviti telah dilaksanakan di seluruh negara sepanjang minggu tersebut, dengan sokongan pelbagai Kementerian dan Agensi, Kerajaan Negeri, institusi pengajian tinggi dan institusi kewangan. Antara aktiviti yang dijalankan adalah Sesi Pemadanan Perniagaan, perkongsian pengalaman, seminar, bengkel, forum keusahawanan, sesi *Pocket Talk*, sesi *Business Pitching* dan klinik keusahawanan.

Berikutnya tahun ke-4 pelaksanaannya, Minggu PKS telah berjaya mencapai matlamat untuk meningkatkan kesedaran dan penerimaan orang awam terhadap produk dan perkhidmatan yang ditawarkan oleh PKS tempatan. Minggu PKS 2015 mencatatkan peningkatan jualan sebanyak 112% daripada RM1.7 juta pada 2014 kepada RM3.6 juta. Sesi Pemadanan Perniagaan telah menjana potensi jualan berjumlah RM60.03 juta yang merupakan peningkatan sebanyak 77.1% berbanding tahun 2014.

Minggu PKS 2015 turut mencatatkan peningkatan dari segi bilangan gerai pameran dan jumlah aktiviti yang dianjurkan. Sebanyak 1,314 PKS telah menyertai pameran yang merupakan peningkatan sebanyak 22.3% berbanding 1,074 PKS pada tahun 2014. Jumlah aktiviti yang dilaksanakan telah meningkat sebanyak 6.3% dengan 168 aktiviti, berbanding 158 aktiviti pada tahun sebelumnya. Secara keseluruhannya, sebanyak 344,709 peserta dan pengunjung telah mendapat manfaat daripada seminar, bengkel, sesi *Pocket Talk* dan kaunter maklumat yang disediakan sepanjang penganjuran program ini.



Antara Aktiviti Semasa Minggu PKS 2015

## 2. FORUM KEUSAHAWANAN MALAYSIA (FOKEM) 2015

Forum Keusahawanan Malaysia (FOKEM) merupakan platform yang mengetengahkan kisah kejayaan pelbagai beneficiari program, inisiatif dan bantuan Kerajaan. Ianya bertujuan untuk menggalakkan PKS dan usahawan baharu mencontohi pencapaian PKS yang berjaya dengan merangka strategi pertumbuhan dan kemajuan perniagaan mereka. Forum ini juga membantu menyebarkan maklumat berkaitan pelbagai insentif serta bantuan perniagaan dan kewangan yang sedia ada di bawah MITI dan Agensinya untuk PKS.

FOKEM 2015 telah diadakan pada 26 Mac 2015 di Kuala Lumpur dengan tujuan untuk memberikan maklumat mengenai program dan inisiatif Kerajaan bagi membantu PKS berdaya saing di peringkat global. Seramai 25 usahawan yang merupakan penerima pelbagai program dan bantuan di bawah MITI dan Agensinya, telah dijemput sebagai ahli panel bagi berkongsi pandangan, amalan terbaik dan kejayaan mereka. Dihadiri seramai 1,100 peserta, acara itu juga menyediakan kaunter maklumat yang memberikan khidmat nasihat kepada para peserta, serta 10 gerai yang memperkenalkan produk dan perkhidmatan PKS yang telah menerima bantuan daripada MITI dan Agensinya.

## 3. PUSAT RUJUKAN SETEMPAT (ORC)



Sekjak diwujudkan pada 2011, Pusat Rujukan Setempat (ORC) SME Corp. Malaysia telah banyak memberi bantuan kepada PKS, memperlengkapkan mereka dengan maklumat dan pengetahuan yang ditumpukan bagi membantu perkembangan mereka. Berlokasi di Ibu Pejabat

SME Corp. Malaysia di Kuala Lumpur, ORC berperanan sebagai 'pusat sehenti' bagi khidmat nasihat perniagaan. Ianya menyebarkan maklumat berkaitan dana dan insentif Kerajaan untuk PKS serta menyediakan saluran maklumbalas berkaitan isu-isu PKS. Dengan purata 450 pengunjung setiap sebulan, ORC merupakan pusat tumpuan utama bagi PKS dan usahawan memperolehi maklumat penting berkaitan pelbagai aspek perniagaan.

Rangkaian perkhidmatan yang ditawarkan di ORC termasuk Khidmat Nasihat Perniagaan, Pautan ORC (Kaunter maklumat Kementerian, Agensi, bank, institusi kewangan pembangunan dan persatuan), *Pocket Talk*, Pusat Maklumat (Mel Maklumat, Talian Maklumat), Pusat Sumber, Galeri Produk PKS, ORC Maya (laman web SME Corp. Malaysia, Portal Maklumat PKS), dan Hari Terbuka Pembiayaan Mikro.

Pada tahun 2015, ORC telah mencatatkan seramai 9,017 pengunjung (5,573 di Ibu Pejabat di Kuala Lumpur dan 3,444 di 11 Pejabat Negeri yang turut bertindak sebagai Mini ORC). Pakar-pakar industri telah memberi penerangan kepada 598,638 peserta di 346 sesi *Pocket Talk* yang dianjurkan di Ibu Pejabat dan Pejabat Negeri. Sesi-sesi tersebut telah menyampaikan pengetahuan, wawasan dan idea mengenai pelbagai topik perniagaan kepada PKS dan usahawan, di samping khidmat nasihat yang disediakan oleh Kaunselor Perniagaan dan Kewangan dari SME Corp. Malaysia.

## 4. APLIKASI MUDAH ALIH RASMI SME CORP. MALAYSIA

Aplikasi Mudah Alih Rasmi SME Corp. Malaysia, yang dilancarkan pada 30 November 2015, adalah satu platform baharu bagi PKS untuk memperolehi berita terkini berkaitan inisiatif dan aktiviti pembangunan PKS, serta maklumat mengenai pelbagai program pembangunan dan bantuan kewangan yang disediakan oleh Kementerian dan Agensi berkaitan. Aplikasi mudah alih ini merupakan inisiatif ke arah memodenisasi dan meningkatkan kecekapan penyampaian Kerajaan, yang dapat menarik perhatian umum khususnya usahawan muda. Dengan adanya aplikasi ini, PKS boleh menerima maklumat terkini berkaitan aktiviti dan program yang dilaksanakan oleh SME Corp. Malaysia dan pelbagai Agensi lain dengan segera melalui telefon mudah alih mereka. Aplikasi ini akan terus ditambahbaiki bagi menyediakan ciri-ciri yang lebih interaktif untuk meningkatkan proses keterlibatan di antara SME Corp. Malaysia dan PKS.

Antara ciri-ciri aplikasi mudah alih ini adalah Program (senarai program pembangunan dan bantuan kewangan), Acara, Paparan Berita (berita berkaitan PKS), Video (saluran YouTube SME Corp. Malaysia), Pautan Facebook, *BizDirectory* (senarai PKS), Pemberitahuan (berita terkini) dan Senarai Perhubungan.



## PEJABAT NEGERI SME CORP. MALAYSIA

Usaha tenaga kerja di Ibu Pejabat SME Corp. Malaysia diperluaskan lagi oleh pasukan merangkumi Pengarah Negeri, pegawai dan kakitangan yang berdedikasi di rangkaian 11 Pejabat Negeri bagi memastikan inisiatif, program dan platform capaian PKS dilaksanakan dengan lancar dan boleh diakses oleh semua PKS di seluruh negara. Pelbagai bantuan dari segi khidmat nasihat dan sokongan perniagaan, maklumat program, pengetahuan, pembiayaan, akses pasaran, rantaian perniagaan, latihan kemahiran dan peluang jaringan tersedia ditawarkan kepada PKS oleh Pejabat Negeri yang mempunyai kepakaran menyediakan sumber sedia ada dan mengenai kelebihan tempatan, secara langsung menyumbang kepada kejayaan keseluruhan penyampaian perkhidmatan SME Corp. Malaysia.

### JOHOR



“ Pada tahun 2015, Pejabat Negeri meneruskan tanggungjawabnya memberi perkhidmatan kepada PKS di seluruh Johor, di mana sejumlah 60,618 perusahaan (88%) terlibat dalam sektor perkhidmatan. Secara keseluruhan, penerima BEEP telah mencatatkan kenaikan dalam margin keuntungan sehingga 20%, peningkatan dalam penarafan SCORE sebanyak 42.86% dan pertumbuhan dalam kemampunan syarikat sebanyak 89.8%. Antara pakej bantuan diluluskan termasuk yang berkaitan dengan penambahbaikan produk & proses (57.14%), peningkatan pembungkusan produk (19.39%), pensijilan dan pengurusan kualiti (13.27%), pembangunan produk Halal (6.12%) serta pengiklanan & promosi (4.08%). ”



### KEDAH & PERLIS



“ SME Corp. Malaysia bekerjasama dengan semua agensi pembangunan PKS di peringkat negeri bagi meningkatkan capaiananya kepada PKS dan usahawan tempatan. Di Kedah, Pejabat Negeri kami bekerja seiring dengan setiap Pejabat Daerah yang menyediakan kaunter One Stop Referral Centre (OSRC) bagi menyebarkan maklumat program pembangunan yang ditawarkan oleh pelbagai agensi. Manakala di Perlis pula, kami bekerjasama dengan UPEN Perlis menganjurkan Klinik Usahawan pada hari Selasa minggu pertama dan kedua setiap bulan di mana PKS boleh memperolehi khidmat nasihat dan sokongan perniagaan untuk membantu mereka mengembangkan perniagaan. ”



## KELANTAN



“ Berikutnya kejayaan Program TUBE 1.0 yang julung kali diadakan pada tahun 2014, di mana para peserta dari Kelantan telah mencatatkan jualan terkumpul berjumlah RM486,000 daripada perniagaan mereka dan mewujudkan 30 peluang pekerjaan, seramai 52 peserta lagi telah terpilih untuk menyertai TUBE 2.0 yang dilancarkan pada 2015. Program TUBE secara langsung menyokong usaha Kerajaan di bawah RMKe-11 untuk meningkatkan pendapatan isi rumah kumpulan 40% terendah dalam piramid pendapatan melalui penglibatan mereka dalam perniagaan. Pelaksanaannya melibatkan kerjasama strategik antara Kementerian, Agenzi dan sektor swasta selaras dengan pendekatan Strategi Lautan Biru Kebangsaan.”



## MELAKA



“ Pejabat Negeri Melaka menghargai sokongan dan kerjasama daripada Agenzi-agensi Kerajaan berkaitan yang lain seperti Kerajaan Negeri Melaka, FAMA, MARA, SME Bank, SIRIM, MyIPO dan Unit Pemerkasaan Ekonomi Bumiputera (UPEB) di atas perkhidmatan yang diberikan kepada komuniti PKS di negeri ini. Kerjasama yang sangat baik ini sekali lagi ditonjolkan baru-baru ini di mana Pejabat Negeri dengan beberapa Agenzi telah berjaya membantu 15 PKS tempatan yang mempunyai persijilan MESTI dan Halal dengan pematuhan Piaawaian Antarabangsa pembungkusan produk, bagi meneroka pasaran antarabangsa melalui Agrobazzar Singapura. Sejumlah 10 daripada PKS berkenaan merupakan penerima bantuan Program Peningkatan Perusahaan Bumiputera (BEEP), yakni satu inisiatif di bawah SME Corp. Malaysia.”



## NEGERI SEMBILAN



“ Bagi menangani cabaran yang dihadapi oleh sebahagian besar PKS di negeri ini, pada 2015, Pejabat Negeri kami telah memperhebatkan usaha dalam penyediaan maklumat yang relevan, khidmat nasihat dan latihan kepada kumpulan sasaran. Acara-acara seperti Minggu PKS, Hari Terbuka Perusahaan Mikro dan ‘Sembang Petang Bersama Usahawan’ telah diadakan secara berturutan dengan sesi latihan pembungkusan dan penjenamaan. Pejabat Negeri juga memainkan peranan penting dalam pelaksanaan Program TUBE 2.0 yang menyaksikan seramai 51 peserta mengambil bahagian di Kem PLKN Seri Perkasa, Mantin, Negeri Sembilan.”



## PAHANG



“Pada tahun 2015, Pejabat Negeri Pahang telah menyalurkan Dana Kecemasan PKS (SMEEF) kepada PKS di beberapa daerah termasuk Kuala Lipis, Jerantut, Kuala Krau, Temerloh, Pekan, Maran dan Bera yang dilanda banjir pada akhir tahun 2014. Pejabat Negeri kami telah menyediakan bantuan segera dengan mengadakan lawatan ke kawasan terjejas bagi menghulurkan khidmat sukarelawan dan sumbangan fizikal kepada mangsa. Sebanyak 134 permohonan untuk Dana Kecemasan telah diluluskan dengan geran berjumlah RM1.55 juta pada 2015, berbanding 64 permohonan diluluskan dengan pembiayaan sebanyak RM0.65 juta pada tahun sebelumnya.”



## PULAU PINANG



“Pejabat SME Corp. Malaysia di Pulau Pinang, pada 2015, telah menganjur 25 program capaian yang memanfaatkan 2,500 PKS tempatan. Program-program tersebut dijalankan dengan kerjasama pelbagai Agensi Kerajaan Persekutuan dan Negeri. Aktiviti-aktiviti ini termasuk seminar, bengkel, dan sesi *Pocket Talk* mengenai akses kepada pembiayaan, peningkatan produktiviti, penambahbaikan pembungkusan produk dan pensijilan Halal, serta perkongsian pengalaman dan jaringan perniagaan. Kami juga memberi penekanan kepada PKS mengenai kepentingan penarafan SCORE/M-CORE sebagai syarat untuk program pembinaan kapasiti yang disediakan oleh kami seperti Program Business Accelerator (BAP) dan BEEP. Sehingga 31 Disember 2015, sebanyak 1,276 PKS telah menjalani proses penilaian yang mana 106 PKS telah mendapat penarafan pada tahun 2015.”



## PERAK



“Menyedari betapa perlunya untuk memperkasakan sejumlah 60,028 PKS yang berdaftar di Perak, Pejabat Negeri terus berusaha menyediakan bantuan asas kepada PKS bagi menggalakkan pertumbuhan dan perkembangan mereka. Satu inisiatif signifikan yang dianjurkan adalah Seminar Insentif, Pembiayaan dan Geran bagi PKS yang telah diadakan pada 3 November 2015 di Grik, Perak, dengan penyertaan 10 Agensi Kerajaan lain. Dengan objektif untuk mewujudkan kesedaran di kalangan PKS dan usahawan mengenai peranan dan fungsi SME Corp. Malaysia, serta menonjolkan program, bantuan dan sokongan perniagaan yang ditawarkan oleh kami, seminar yang julung kali dianjurkan ini telah menarik seramai 500 peserta terdiri daripada Perusahaan Mikro hingga perusahaan bersaiz sederhana dari Daerah Hulu Perak.”

## SABAH



“Sebanyak 27 program capaian yang merangkumi seminar, bengkel dan sesi *Pocket Talk* telah berjaya dianjurkan oleh Pejabat Negeri Sabah sepanjang tahun 2015 yang telah memberi manfaat kepada 1,024 PKS. Kami juga terlibat dalam inisiatif capaian serupa dengan tumpuan khusus kepada usahawan wanita, termasuk seminar yang dianjurkan oleh Jabatan Hal Ehwal Wanita Sabah (JHEWA) yang mendapat penyertaan 200 PKS milikan wanita. Walaupun dengan keadaan persekitaran ekonomi yang mencabar, PKS di Sabah bukan sahaja telah menunjukkan ketabahan mereka malah mencapai kejayaan cemerlang seperti pencapaian 4 syarikat tempatan dalam Anugerah Kecemerlangan Industri Sabah (SIEA) 2014/2015, di mana mereka juga merupakan penerima bantuan kewangan SME Corp. Malaysia.”



## SARAWAK



“Pejabat Negeri Sarawak telah memperkuuhkan usahanya dengan matlamat untuk menjangkau sebanyak mungkin PKS termasuk mereka yang berada di kawasan pinggir bandar dan luar bandar. Untuk tujuan ini, kami sentiasa berusaha untuk mendapatkan peruntukan mencukupi yang sangat diperlukan bagi membiayai pelbagai program dan inisiatif pembangunan PKS dan usahawan di negeri ini. Kami juga secara aktif menganjurkan pelbagai program mengenai akses pasaran, penjenamaan, pembungkusan & relabelan, serta pensijilan & pengurusan kualiti, bagi membantu perusahaan tempatan memasarkan produk mereka secara berkesan di pasaran domestik dan juga bagi meneroka pasaran antarabangsa. Salah satu inisiatif ini adalah Sesi Pemanduan Perniagaan di antara peruncit terkemuka, Mydin dan 77 PKS tempatan yang telah dianjurkan pada 7 Oktober 2015 di Kuching, Sarawak.”



## TERENGGANU



“Pejabat Negeri Terengganu secara giat telah menyampaikan perkhidmatan yang penting kepada kumpulan sasaran di negeri ini sepanjang tahun 2015. Kejayaan penyampaianannya boleh diukur dari segi pencapaian pelbagai program dan inisiatif pembangunan PKS yang dilaksanakannya, seperti Minggu PKS 2015. Acara yang telah berlangsung selama seminggu ini dengan berkesan telah mewujudkan kesedaran orang ramai mengenai produk dan perkhidmatan yang disediakan oleh PKS tempatan, serta mencatatkan jualan oleh PKS tempatan berjumlah RM1.2 juta. Ia juga telah menarik seramai 10,000 pengunjung dan penyertaan 100 usahawan muda.”

## 5. USAHASAMA STRATEGI PEMASARAN KANDUNGAN BERSEPADU

SME Corp. Malaysia telah menjalankan kerjasama dengan Media Prima Berhad dalam melaksanakan strategi pemasaran kandungan bersepadu. Inisiatif ini bertujuan untuk meningkatkan kesedaran di kalangan PKS dan orang awam mengenai peranan dan fungsi SME Corp. Malaysia dalam memperjuangkan pembangunan PKS di Malaysia, serta kepentingan PKS sebagai pemacu pertumbuhan ekonomi dan penyumbang utama ke arah pembangunan negara. Matlamat strategi berkenaan adalah untuk mengoptimumkan nilai perniagaan dan nilai khalayak dengan menyediakan kandungan yang sesuai melalui pelbagai saluran media secara paling tepat masa, cekap, berkesan dan meluas kepada golongan PKS.

Bermula 1 Januari 2015, SME Corp. Malaysia dan Media Prima Berhad telah melancarkan berbagai inisiatif bagi meningkatkan pengetahuan orang awam mengenai peranan dan fungsi SME Corp. Malaysia sebagai Agensi Penyelaras Pusat (CCA) bagi pembangunan PKS, program pembangunan, bantuan kewangan, serta khidmat nasihat, bantuan dan sokongan perniagaan kepada PKS. Platform-platform Media Prima Berhad yang terdiri daripada berita

bercetak (New Straits Times, Berita Harian dan Harian Metro), berita atas talian (New Straits Times Online, Berita Harian Online dan Harian Metro Online), rancangan / berita televisyen (TV3) dan media *out-of-home* (OOH) (BigTree dan TONTON) kesemuanya telah membantu SME Corp. Malaysia untuk mencapai khalayak sasaran di kawasan bandar dan luar bandar dengan berkesan pada tahap semaksima yang boleh.

Selain daripada program-program utama yang dianjurkan oleh MITI dan SME Corp. Malaysia, pencapaian PKS di bawah naungan SME Corp. Malaysia juga diberi tumpuan khusus. Kisah kejayaan PKS tempatan telah ditonjolkan dalam bahagian tambahan akhbar yang turut memaparkan pandangan dan wawancara bersama Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri mengenai pencapaian terkini industri PKS. Ianya bertujuan untuk menggalakkan kelompok kritikal PKS mendapatkan bantuan dan sokongan Kerajaan bagi mengembangkan perniagaan mereka.

Dokumentari televisyen 'Potret Niaga' telah diterbitkan dengan tumpuan untuk mengetengahkan PKS tempatan yang berjaya serta berkongsi pengalaman dan petua perniagaan untuk usahawan baharu. Sehingga penghujung Disember 2015, sebanyak 48 episod 'Potret Niaga' telah disiarkan. Dokumentari ini telah berjaya menarik sejumlah 350,000 penonton iaitu bilangan penonton ketiga paling ramai selepas 'Buletin Utama' 8:00 malam dan 'Buletin Utama' 1:30 tengahari.

Pada tahun 2016, sebanyak 8 episod rancangan televisyen realiti '*The Entrepreneur*' telah diterbitkan bagi mempromosikan Program Tunas Usahawan Belia Bumiputera (TUBE). Rancangan realiti tersebut telah memaparkan 10 peserta TUBE 2.0 bersaing dalam pelbagai tugas dan cabaran perniagaan selama 8 minggu untuk merebut gelaran '*The Entrepreneur*'.



Pengarah Urusan Kumpulan Media Prima Berhad, Pengurus SME Corp. Malaysia dan Ketua Eksekutif SME Corp. Malaysia di Majlis Pemeteraian Memorandum Persefahaman (MoU) di antara SME Corp. Malaysia dan Media Prima Berhad

## PEMBANGUNAN USAHAWAN WANITA

### 1. MESYUARAT PANEL BAGI USAHAWAN WANITA

Panel Usahawan Wanita telah ditubuhkan bagi memberi nasihat dan panduan kepada SME Corp. Malaysia dalam membentuk dan menyelaras program untuk usahawan wanita serta menyarankan penambahbaikan kepada dasar dan program sedia ada.

Panel ini terdiri daripada wakil kedua-dua sektor awam dan swasta yang boleh memberi sumbangan dan mengambil bahagian dalam perbincangan yang produktif dengan memberikan pandangan daripada pelbagai sudut. Pengalaman secara kolektif ahli-ahli Panel ini adalah berharga bagi membolehkan SME Corp. Malaysia memperolehi pemahaman dan idea yang lebih baik mengenai pilihan dan pendekatan alternatif dalam menangani isu-isu yang memberi kesan kepada pembangunan usahawan wanita.

### 2. DIALOG DAN SESI PERKONGSIAN MAKLUMAT DENGAN PRESIDEN-PRESIDEN PERSATUAN WANITA USAHAWAN

Sejak 2013, SME Corp. Malaysia telah menerajui usaha menganjurkan Dialog dan Sesi Perkongsian Maklumat bersama Presiden-presiden Persatuan Usahawan Wanita. Sesi berkala ini yang dipengerusi dan dikendalikan oleh Ketua Eksekutif SME Corp. Malaysia bertujuan untuk meningkatkan kesedaran, mendapatkan maklumbalas dan menjana idea baharu daripada persatuan dan dewan, khususnya mengenai isu-isu berkaitan pembangunan wanita dalam bidang perniagaan.

Inisiatif ini membolehkan perundingan yang lebih berstruktur dan kerjasama yang lebih baik di antara SME Corp. Malaysia dan persatuan-persatuan usahawan wanita. Ianya dapat memberi paparan lebih baik mengenai pandangan kolektif para usahawan wanita bagi memudahkan usaha merangka dan melaksanakan dasar secara lebih berkesan. Pada tahun 2015, sebanyak 2 sesi telah diadakan bagi berkongsi dan membincangkan pelbagai isu berkaitan pembangunan usahawan wanita di Malaysia.

## KERJASAMA ANTARABANGSA

Sebagai Agensi Penyelaras Pusat (CCA) bagi pembangunan PKS di Malaysia, SME Corp. Malaysia berperanan sebagai agensi utama rasmi Malaysia di pelbagai platform antarabangsa termasuk Persatuan Negara-Negara Asia Tenggara (ASEAN), Kerjasama Ekonomi Asia Pasifik (APEC), Pertubuhan Kerjasama Islam (OIC) dan Pertubuhan Kerjasama dan Pembangunan Ekonomi (OECD).

### 1. KUMPULAN KERJA PKS APEC (APEC SMEWG)

Selaras dengan visi untuk membangunkan PKS yang progresif, APEC yang merupakan platform kondusif menyediakan peluang terbaik bagi Malaysia mempelajari dasar dan amalan terbaik, serta mewujudkan sinergi di kalangan PKS Malaysia dengan PKS dari negara-negara anggota lain.

SME Corp. Malaysia selaku agensi utama Malaysia dalam Kumpulan Kerja PKS APEC (APEC SMEWG), telah mewakili negara pada Mesyuarat Kumpulan Kerja PKS APEC Ke-40 dan Ke-41 yang masing-masing telah diadakan di Atlanta, Amerika Syarikat pada 10-11 Jun 2015 dan Iloilo City, Filipina pada 23-24 September 2015. Mesyuarat Kumpulan Kerja PKS APEC merupakan platform untuk Malaysia berbincang dengan 20 negara lain mengenai langkah-langkah dan amalan terbaik ke arah mencapai pertumbuhan ekonomi yang mampan dan kemakmuran di rantau Asia Pasifik.

### 2. KUMPULAN KERJA PKS ASEAN (ASEAN SMEWG)

#### ASEAN: Mengintegrasikan PKS ASEAN bagi Mengoptimalkan Manfaat AEC

PKS merupakan sebahagian besar daripada perniagaan di semua Negara-negara Anggota ASEAN (AMS) dan menyumbang kepada tenaga buruh secara ketara. PKS membentuk di antara 88.8% dan 99.9% daripada jumlah perniagaan di ASEAN, serta di antara 51.7% dan 97.2% daripada jumlah guna tenaga. Sumbangan perusahaan ini kepada KDNK setiap negara anggota adalah di antara 30% dan 53%, manakala sumbangan PKS kepada eksport adalah di antara 10% dan 29.9%.

SME Corp. Malaysia merupakan agensi utama yang mewakili Malaysia di Mesyuarat Kumpulan Kerja PKS ASEAN (ASEAN SMEWG) serta Mesyuarat Berkaitan Ke-36 dan Ke-37 yang


masing-masing telah diadakan pada 19-22 Mei 2015, di Bangkok, Thailand dan 3-6 November 2015 di Yogyakarta, Indonesia. Mesyuarat Kumpulan Kerja PKS ASEAN serta Mesyuarat Berkaitan mengumpulkan ketua-ketua Agensi PKS dari 10 Negara Anggota ASEAN bagi berkongsi pengalaman dan membangunkan bersama pelan tindakan, strategi dan rangka kerja dasar dalam bidang pembangunan PKS dan keusahawanan. Kumpulan Kerja PKS ASEAN, di bawah bidang kuasa Menteri-Menteri Ekonomi ASEAN, memainkan peranan penting dalam memastikan peralihan lancar ASEAN sebagai pasaran tunggal di bawah Komuniti Ekonomi ASEAN (AEC) yang telah ditubuhkan secara rasmi pada 31 Disember 2015.

#### **Pelan Tindakan Strategik ASEAN Untuk Pembangunan PKS 2016-2025 (SAP SMED 2025)**

SAP SMED 2025 adalah salah satu daripada penyampaian semasa Malaysia menjadi Pengurus ASEAN pada 2015. Ianya dilancarkan secara rasmi pada Sidang Kemuncak Perniagaan dan Pelaburan ASEAN 2015 (ABIS 2015) yang merupakan acara sampingan sempena Sidang Kemuncak ASEAN Ke-27 di Kuala Lumpur pada 21 November 2015. SAP SMED 2025 telah dibentuk dengan misi dan visi bagi mewujudkan PKS yang berinovatif dan berdaya saing di peringkat global.

Kumpulan Kerja PKS ASEAN telah disokong oleh Tabung Integrasi ASEAN Jepun (JAIF) dalam membentuk SAP SMED 2025. Ianya juga mengadakan kerjasama erat dengan Kesalinghubungan melalui Perdagangan dan Pelaburan ASEAN (ACTI) USAID bagi merangka pelan pelaksanaannya. Sebanyak 5 matlamat strategik telah dibentuk dan diterajui oleh negara anggota terpilih, di mana Malaysia dan Lao PDR telah diamanahkan untuk menerajui 'Matlamat Strategik B: Meningkatkan Akses kepada Pembiayaan'.

#### **Pelan Tindakan Strategik ASEAN bagi Pembangunan PKS 2016-2025 (SAP SMED 2025)**





Pelancaran SAP SMED 2025 di Sidang Kemuncak ASEAN Perniagaan dan Pelaburan 2015 (ABIS 2015)

#### Inisiatif Utama Lain

Sebanyak 3 inisiatif utama di bawah Kumpulan Kerja PKS ASEAN telah dilancarkan di Sidang Kemuncak Perniagaan dan Pelaburan ASEAN 2015 (ABIS 2015) pada 21 November 2015 di Kuala Lumpur. Ianya menunjukkan kepentingan Kerjasama Awam-Swasta di peringkat serantau, di mana setiap Kerajaan Negara Anggota ASEAN berperanan sebagai pemudah cara dalam membantu sektor swasta memacu ekonomi negara masing-masing:

- Pelan Tindakan Strategik ASEAN bagi Pembangunan PKS 2016-2025 (SAP SMED 2025);
- Laman Portal Pusat Perkhidmatan PKS ASEAN; dan
- Akademi PKS ASEAN.

Inisiatif dan aktiviti utama lain yang diadakan pada tahun 2015 termasuk:

- Bengkel Pembangunan PKS untuk Negara-negara CLMV (25-29 Mei 2015) (Kuala Lumpur, Malaysia);
- Pameran & Persidangan PKS ASEAN 2015 (ASSC 2015) (26-28 Mei 2015) (Kuala Lumpur, Malaysia);
- Pelancaran ASEAN Market Place (AMP) (26 Mei 2015) (Kuala Lumpur, Malaysia);
- Pelancaran Inisiatif *GREAT Women in ASEAN* yang diterajui oleh Kesalinghubungan melalui Perdagangan dan Pelaburan ASEAN (ACTI) USAID (27 Mei 2015) (Kuala Lumpur, Malaysia);
- Pesta Industri Kreatif Belia ASEAN (Jakarta, Indonesia) (29-30 Ogos 2015);
- Pemuktamadan Program Daya Saing Perniagaan Kecil ASEAN oleh Pertubuhan Buruh Antarabangsa (ILO); dan
- Laporan Akhir Kajian bagi Membangunkan Penanda Aras ASEAN untuk Metodologi Penarafan Kredit PKS oleh Indonesia.

Menyedari peranan penting Kumpulan Kerja PKS ASEAN dalam melaksanakan SAP SMED 2025, Mesyuarat Pertama Pegawai Kanan Ekonomi ASEAN untuk Mesyuarat Menteri-menteri Ekonomi ASEAN Ke-47 (SEOM 47) yang telah diadakan pada 20 Januari 2016 di Vientiane, Lao PDR, bersetuju agar status kumpulan kerja tersebut dipertingkatkan kepada Jawatankuasa Penyelaras Perusahaan Mikro, Kecil dan Sederhana ASEAN (ACCMSME).

#### **3. INISIATIF KERJASAMA EKONOMI DAN TEKNIKAL**

Memandangkan PKS membentuk sebahagian besar perniagaan di kebanyakan negara, Malaysia sering menerima permintaan melalui saluran diplomatik untuk menjalinkan kerjasama dalam bidang pembangunan PKS. SME Corp. Malaysia telah menjalankan program-program latihan teknikal dan juga memeterai Memorandum Persefahaman (MoU) dengan beberapa pihak di peringkat antarabangsa yang terlibat serta mempunyai kepentingan dalam pembangunan PKS. Antara inisiatif yang dilaksanakan pada 2015 adalah:

### **Program Latihan Negara Ketiga (TCTP):**

#### **Pembangunan PKS untuk Negara-negara Afrika**

SME Corp. Malaysia dengan sokongan daripada Pejabat Agensi Kerjasama Antarabangsa Jepun (JICA) di Malaysia dan Sekretariat Program Kerjasama Teknikal Malaysia (MTCP), Kementerian Luar Negeri Malaysia, telah menganjurkan Program Latihan Negara Ketiga (TCTP): Pembangunan PKS untuk Negaranegara Afrika pada 12-24 Ogos 2015 di Kuala Lumpur. Latihan ini telah dibentuk dengan objektif untuk memberi kefahaman mengenai kepentingan merangka dan melaksanakan dasar serta strategi pembangunan PKS yang kukuh , peranan pelbagai Kementerian dan Agensi Kerajaan dalam menyediakan program bagi meningkatkan kapasiti dan keupayaan PKS. Ianya juga bertujuan untuk berkongsi pengalaman Jepun dan Malaysia dalam mengurus dan menggalakkan pembangunan PKS.

Sejak tahun 2006, seramai 82 peserta dari 15 negara Afrika yang mewakili pelbagai Kementerian dan Agensi berkaitan pembangunan PKS di negara masing-masing, telah menghadiri kursus tersebut, termasuk dari Botswana, Cameroon, Ethiopia, Ghana, Namibia dan Uganda.

#### **Kerjasama dengan Kesalinghubungan**

#### **melalui Perdagangan dan Pelaburan ASEAN (ACTI) USAID bagi 'GREAT Women in ASEAN Initiative'**

Kesalinghubungan melalui Perdagangan dan Pelaburan ASEAN (ACTI), Agensi bagi Pembangunan Antarabangsa Amerika Syarikat (USAID), telah bekerjasama dengan SME Corp. Malaysia untuk menganjurkan Dialog 'GREAT Women in ASEAN Initiative - Showcasing Regional Cultures through Collaborative Fusion' pada 27 Mei 2015 di Kuala Lumpur. Dialog 'GREAT Women in ASEAN Initiative' ini telah dihadiri seramai 104 peserta yang kebanyakannya terdiri daripada usahawan wanita dan wakil pelbagai organisasi berkaitan wanita di Malaysia.

'GREAT Women (Gender Responsive Economic Actions for the Transformation of Women) - ASEAN Collection' yang merupakan platform penjenamaan dan pemasaran produk serantau telah diumumkan pada 24 Mac 2015 di Bangkok, Thailand. 'GREAT Women Brand' yang pada mulanya dilancarkan di Filipina telah berkembang di rantau ini di bawah Komuniti Ekonomi ASEAN (AEC). Ianya mencerminkan semangat usahawan wanita di seluruh Asia Tenggara, serta kedinamikan rantau ini dan rakyatnya. Pendekatan pemasaran dan penjenamaan yang berinovatif ini kini telah dipertingkatkan ke peringkat serantau, bertujuan untuk membolehkan usahawan wanita di Asia Tenggara bekerja secara kolektif dalam memupuk suasana yang adil untuk guna tenaga dan perdagangan, memasarkan produk ke luar negara, dan melindungi reka cipta produk mereka daripada ditiru dan dijual secara haram.

#### **Memorandum Persefahaman (MoU) di antara SME Corp. Malaysia dan Institut Usahawan Kebangsaan (INADEM), Mexico**

Memorandum Persefahaman di antara SME Corp. Malaysia dan rakan agensinya di Mexico, Institut Usahawan Kebangsaan (INADEM), telah dimeterai sebagai acara sampingan di Mesyuarat Kumpulan Kerja PKS APEC Ke-41 pada 25 September 2015 di Iloilo City, Filipina. Objektif Memorandum Persefahaman ini adalah untuk saling bertukar maklumat mengenai isu-isu penting berkaitan dengan pembangunan PKS di Malaysia dan Mexico, terutamanya dalam bidang Halal, automotif & komponen auto, minyak & gas, aeroangkasa, ICT, elektrikal & elektronik, dan industri kreatif. Kerjasama ini juga meliputi perkara-perkara mengenai dasar, kepakaran dan maklumat yang berkaitan dengan pembangunan PKS melalui pengwujudan jaringan perniagaan, rantaian industri dan lain-lain bentuk kerjasama teknikal di antara peserta berdasarkan kesamaan dan faedah bersama.

#### **Memorandum Persefahaman (MoU) di antara SME Corp. Malaysia dan Agensi Pembangunan Industri Wilayah (ARID), Viet Nam**

Memorandum Persefahaman di antara SME Corp. Malaysia dan rakan agensinya di Viet Nam, Agensi Pembangunan Industri Wilayah (ARID), telah dimeterai bersempena Mesyuarat Jawatankuasa Perdagangan Bersama Malaysia-Viet Nam Ke-3 (JTC) yang diadakan pada 25 April 2015 di Kuala Lumpur. Objektif Memorandum Persefahaman ini adalah untuk saling bertukar maklumat mengenai isu-isu penting berkaitan dengan pembangunan PKS di Malaysia dan Viet Nam, terutamanya dalam bidang mempromosikan PKS, program sokongan, inovasi, penyelidikan dan pembangunan bersama, serta inkubasi perniagaan.

#### 4. INISIATIF KERJASAMA ANTARABANGSA LAIN

##### Majlis Perniagaan Kecil Antarabangsa (ICSB) dan Majlis PKS dan Keusahawanan Antarabangsa-Malaysia (ICSMEE-Malaysia)

SME Corp. Malaysia bekerjasama dengan Majlis PKS dan Keusahawanan Antarabangsa-Malaysia (ICSMEE-Malaysia) dalam menganjurkan Persidangan dan Mesyuarat PKS Asia Ke-3 pada 26-30 Oktober 2015 di Miri, Sarawak. Dengan objektif untuk menyediakan platform bagi PKS di rantau ini menjalinkan jaringan dengan komuniti PKS di peringkat antarabangsa, persidangan ini telah mengetengahkan para pemain industri utama, pembuat dasar dan ahli akademik sebagai penceramah yang telah membentangkan pelbagai topik mengenai pembangunan PKS dan cara mengatasi cabaran serantau. Hasil persidangan tersebut dijangka dapat menyumbang secara positif ke arah pembangunan PKS dan keusahawanan serta menjadi agenda tetap di bawah matlamat Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu untuk pembangunan mampan.

##### Kongres Perniagaan Kecil Antarabangsa (ISBC)

Kongres Perniagaan Kecil Antarabangsa (ISBC) adalah sebuah organisasi yang komited dalam mempromosikan peranan penting perusahaan kecil dan sederhana (PKS) dan usahawan. Ianya juga menggalakkan pertukaran idea dasar, peluang perniagaan dan maklumat lain bagi memanfaatkan perniagaan kecil di seluruh dunia. Mesyuarat Jawatankuasa Pemandu ISBC telah diadakan pada 25 Oktober 2015 di Miri, Sarawak yang telah membincangkan beberapa isu pembangunan PKS.

##### Mesyuarat Meja Bulat PKS Asia Timur Ke-10 (EASRTM)

Mesyuarat Meja Bulat PKS Asia Timur telah dipelopori oleh Encik Takao Suzuki, Pengurus Pertubuhan untuk Perusahaan Kecil & Sederhana dan Inovasi Serantau Jepun (SME Support, JAPAN) pada tahun 2006 sebagai satu agenda untuk mewujudkan platform bagi membolehkan agensi pembangunan PKS dari seluruh rantau Asia Timur berkongsi maklumat mengenai persekitaran perniagaan dan memulakan usaha bagi mencapai matlamat yang sama.

Mesyuarat Meja Bulat PKS Asia Timur Ke-10 yang diadakan pada 29 Jun 2015 di Da Nang, Viet Nam, telah dianjurkan oleh Agensi Pembangunan Perusahaan (AED), Kementerian Perancangan dan Pelaburan, Vietnam dengan penyertaan Perbadanan Perniagaan Kecil dan Sederhana, Republik Korea (SBC); Pertubuhan untuk Perusahaan Kecil & Sederhana dan Inovasi Serantau Jepun (SME Support, JAPAN); Pejabat Promosi PKS, Thailand (OSMEP) dan SME Corp. Malaysia.

##### Forum Ekonomi Islam Sedunia (WIEF) Ke-11

SME Corp. Malaysia telah bekerjasama dengan Yayasan Forum Ekonomi Islam Sedunia (WIEF) dalam menganjurkan Pavilion Perniagaan PKS di WIEF Ke-11 pada 3-5 November 2015 di Kuala Lumpur. Bertemakan 'Membina Daya Tahan bagi Pertumbuhan Saksama', forum tersebut telah membincangkan keperluan-keperluan penting yang mempengaruhi hala tuju ekonomi dan pengembangan perniagaan global di masa hadapan termasuk pembangunan PKS. Pavilion Perniagaan PKS WIEF Ke-11 yang julung kali diadakan bertujuan untuk menggembungkapkan kapakaran dari seluruh dunia bagi membantu komuniti PKS di Asia Tenggara. Platform ini memberi para usahawan peluang untuk berbincang dan saling bertukar pandangan mengenai pertumbuhan antarabangsa, serta memupuk kerjasama merentas sempadan bagi meningkatkan daya saing PKS di pasaran antarabangsa.

##### Hubungan Dua Hala Lain

Sepanjang tahun 2015, SME Corp. Malaysia telah menerima 23 kunjungan antarabangsa dari 18 buah negara, iaitu Yemen, Sweden, Fiji, Jepun, Australia, Afrika Selatan, Sri Lanka, America Syarikat, Mesir, Oman, Swaziland, Myanmar, Nigeria, Tanzania, Mauritius, Timor-Leste, Kenya dan Switzerland. Tujuan utama kunjungan-kunjungan tersebut adalah untuk berkongsi amalan terbaik berkaitan dasar dan pembangunan PKS, serta potensi kerjasama dan peluang yang boleh dijalankan di antara Malaysia dan negara-negara luar berkenaan.

# TINJAUAN PERKEMBANGAN DAN PROSPEK PKS

"Di bawah program BEEP, kami telah menerima geran untuk memulakan perniagaan kecil kami dan bantuan ini sememangnya telah banyak menolong kami dalam membiayai pembelian mesin baharu, pemerolehan aplikasi pejabat terbaharu dan pengubahsuaian premis perniagaan. Pembiayaan awal ini amat membantu dalam memperkuuhkan pertumbuhan perniagaan kami. Dengan sokongan daripada SME Corp. Malaysia, kami telah berpeluang untuk mewakili Malaysia di Festival Makanan Manchester dan juga di Ekspo Halal Hatyai yang telah mendapat sambutan menggalakkan. Bergerak maju ke hadapan, kami berhasrat untuk mengembangkan perniagaan kami ke Brunei, Singapura, China dan beberapa negara di Timur Tengah serta Eropah."

ADEQ SUE RESOURCES SDN. BHD.





...pere invicem insolens tractatos ne. Suas fac  
...et tation eleifend voluptaria e  
**tota habeo saepe vis ex. Id facilis delicata p**  
usu audiam facilisis voluptaria. Ex mel nonu  
pluptatibus, at sale munere possit vis. eti  
a huc accusata assentior. Ex vel intercessio  
closionemque, et duo aliquip nostrum ven  
Me id lorem perspicua. eti. eti. eti. eti. eti.  
mique, et vis euismod myllion  
et sic accutane assentior. eti. eti. eti. eti. eti.  
eti. eti. eti. eti. eti. eti. eti. eti. eti. eti. eti.

### **PRESTASI PKS DALAM RANCANGAN MALAYSIA KE-10 (2011-2015)**

Sepanjang tempoh Rancangan Malaysia Ke-10 (RMKe-10) (2011-2015), PKS terus memacu ekonomi Malaysia ke hadapan meskipun dibayangi persekitaran luaran yang lemah. Dalam tempoh 2011 hingga 2015, Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) PKS telah berkembang pada kadar yang lebih pesat, melebihi pertumbuhan keseluruhan ekonomi. KDNK PKS meningkat pada kadar purata tahunan 7.8%, mengatasi pertumbuhan purata tahunan ekonomi keseluruhan Malaysia dalam RMKe-10 sebanyak 5.3%. Sepanjang tempoh tersebut, sumbangan PKS kepada KDNK keseluruhan meningkat daripada 32.8% pada tahun 2011 kepada 36.3% pada tahun 2015.

Pada penghujung tempoh 5 tahun (2011-2015), sumbangan PKS kepada jumlah eksport Malaysia adalah 17.6% pada tahun 2015. PKS juga merupakan penjana pekerjaan, menyumbang 65.5% daripada jumlah guna tenaga di negara ini pada akhir tempoh tersebut.

Pada awal tempoh Rancangan Malaysia Ke-10 pada tahun 2011, Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM) telah melancarkan Banci Ekonomi (BE) 2011 di seluruh negara merangkumi persampelan besar perniagaan dalam semua sektor dan menjadikan tahun 2010 sebagai tahun rujukan. Banci Ekonomi 2011 termasuk kaji selidik ke atas PKS yang diklasifikasikan mengikut definisi lama PKS, sebelum perubahan definisi PKS pada 2014.

Jabatan Perangkaan Malaysia telah menjalankan Banci Ekonomi 2011 pada awal RMKe-10 di mana data statistik mengenai PKS yang diperolehi telah digunakan sebagai rujukan atau asas bagi pembangunan PKS dalam tempoh RMKe-10.

Hasil Banci Ekonomi 2011 yang secara rasmi dikeluarkan pada September 2012 telah menunjukkan bahawa terdapat 645,136 PKS yang merupakan 97.3% daripada keseluruhan perniagaan berjumlah 662,939 yang beroperasi pada tahun 2010.

Sejumlah 90% atau 580,985 PKS tertumpu dalam sektor perkhidmatan, manakala 5.9% atau 37,861 PKS adalah dalam sektor pembuatan, diikuti oleh 3% atau 19,283 PKS dalam sektor pembinaan, 1% atau 6,708 PKS dalam pertanian, dan seterusnya baki 0.1% atau 299 PKS dalam sektor perlombongan dan pengkuarian.

Sebahagian besar atau 77% daripada PKS yang dikaji selidik dalam Banci Ekonomi 2011 adalah merupakan Perusahaan Mikro. PKS bersaiz kecil merangkumi 20% daripada jumlah keseluruhan PKS, manakala baki sebanyak 3% adalah PKS bersaiz sederhana. Perusahaan Mikro menguasai sektor perkhidmatan dengan jumlah 79.6%, diikuti dengan 57.1% dalam sektor pembuatan, 56.3% dalam sektor pertanian, 44.5% dalam sektor pembinaan serta 19.1% dalam sektor perlombongan dan pengkuarian.

Laporan Banci Ekonomi 2011 juga menunjukkan bahawa 19.7% daripada jumlah keseluruhan PKS dimiliki oleh kaum wanita. PKS milikan wanita sebahagian besarnya tertumpu dalam sektor perkhidmatan (91.7%), manakala 7% terlibat dalam sektor pembuatan. Perusahaan wanita kurang terlibat dalam pembinaan, pertanian atau perlombongan dan pengkuarian. PKS milikan wanita didefinisikan sebagai perusahaan di mana wanita memegang sekurang-kurangnya 51% daripada jumlah keseluruhan ekuiti ataupun Ketua Pegawai Eksekutifnya merupakan seorang wanita dengan pemilikan ekuiti sekurang-kurangnya 10%.

Banci tersebut juga mendapati bahawa 32.6% daripada PKS tertumpu di Selangor dan Kuala Lumpur, diikuti dengan 10.7% di Johor dan 9.3% di Perak. Sejumlah kecil PKS terletak di Pahang iaitu sebanyak 4.6%, Kedah 5.8% dan Kelantan 5.9%.

Banci Ekonomi (BE) 2016 kini sedang dijalankan merentas semua sektor ekonomi termasuk PKS di mana penemuan banci akan diumumkan pada awal tahun 2017.

### **PRESTASI PKS PADA TAHUN 2015**

Pada tahun 2015, pertumbuhan KDNK PKS terus mengatasi pertumbuhan KDNK keseluruhan di sebalik persekitaran ekonomi yang mencabar. PKS

kekal berdaya tahan dengan mencatatkan pertumbuhan KDNK sebanyak 6.1% pada tahun 2015, berbanding pertumbuhan KDNK keseluruhan sebanyak 5%. Pada tahun 2014, PKS telah mencatat pertumbuhan dua angka sebanyak 13.8% disebabkan oleh kesan perubahan sahaja definisi rasmi PKS yang baharu dan lebih meluas yang telah diterima pakai pada Januari 2014. Definisi baharu PKS telah menyebabkan pertambahan sebanyak lebih kurang 8,000 syarikat yang sebelum ini diklasifikasi sebagai syarikat besar. Jika kesan definisi semula tidak diambil kira, pertumbuhan asas PKS pada tahun 2014 adalah sebanyak 7.9%.

Permintaan luaran yang lemah dan perbelanjaan pengguna yang lebih rendah akibat kelembapan ekonomi global telah menggugat pertumbuhan PKS. Faktor penyumbang yang menjelaskan prestasi PKS pada tahun 2015 adalah kos operasi meningkat yang sebahagiannya disebabkan oleh kenaikan kos input yang diimport dan peningkatan kos barang dan perkhidmatan secara umum, berikutan penurunan nilai matawang Ringgit Malaysia, pengurangan dalam permintaan dan perbelanjaan disebabkan oleh pelaksanaan Cukai Barang dan Perkhidmatan (GST), dan pelaksanaan langkah pembaharuan ekonomi dan struktur serta rasionalisasi subsidi yang sedang dijalankan.

Walau bagaimanapun, langkah-langkah proaktif diumumkan dalam Bajet 2015 yang disemak semula pada bulan Januari dan September 2015, telah mengurangkan kesan ke atas PKS tempatan. Ini terbukti di mana PKS didapati kurang terkesan berbanding dengan keseluruhan komuniti perniagaan, selaras dengan penemuan Kaji Selidik PKS Suku Pertama 2016 oleh SME Corp. Malaysia yang menunjukkan bahawa PKS kurang terjejas walaupun perniagaan di Malaysia menerima kesan akibat prestasi ekonomi yang lembap.

Sumbangan PKS kepada asas-asas ekonomi negara, berbeza secara ketara merentasi negara, di mana sumbangan PKS kepada KDNK adalah lebih rendah dalam ekonomi berpendapatan rendah berbanding dalam ekonomi maju. Bagi Malaysia pada tahun 2015, sumbangan PKS kepada KDNK adalah sebanyak 36.3% daripada KDNK keseluruhan negara, meningkat daripada 35.9% yang dicapai pada 2014. Dari segi eksport, PKS menghadapi cabaran pada tahun terakhir di bawah RMKe-10 dengan permintaan luaran yang lemah dalam pasaran China, ASEAN dan Asia Barat. Sumbangan PKS kepada jumlah eksport Malaysia telah menurun sedikit kepada 17.6% pada tahun 2015 daripada 17.8% pada tahun sebelumnya.

PKS merangkumi 97.3% daripada jumlah keseluruhan perniagaan di Malaysia dan merupakan penyumbang utama kepada penjanaan guna tenaga. Menguasai landskap perniagaan dengan bilangannya yang besar, pada tahun 2015, PKS menyumbang 65.5% kepada jumlah guna tenaga di Malaysia (2014: 65%). PKS juga umumnya lebih berintensif buruh daripada syarikat besar, dan di peringkat makro, PKS memberi sumbangan besar

**Pada tahun 2015,  
pertumbuhan KDNK  
PKS terus mengatasi  
pertumbuhan  
KDNK keseluruhan  
disebalik persekitaran  
ekonomi yang  
mencabar. PKS kekal  
berdaya tahan  
dengan mencatatkan  
pertumbuhan KDNK  
sebanyak **6.1%** pada  
tahun 2015...**



**KDNK**

kepada guna tenaga. Walau bagaimanapun, intensiti buruh lebih besar, pada kebiasaannya, memerlukan perbelanjaan modal yang lebih rendah untuk jentera dan automasi, dan lazimnya mengakibatkan tahap produktiviti dan keluaran yang rendah. Pada tahun 2015, pertumbuhan produktiviti PKS adalah 0.4%, meningkat daripada pengecutan negatif 6.6% pada tahun 2014.

## **PROGRAM PEMBANGUNAN PKS DALAM RANCANGAN MALAYSIA KE-10 (2011-2015)**

RMKe-10 menggariskan strategi yang jelas bagi PKS dengan memberi tumpuan kepada pembangunan PKS sebagai jentera pertumbuhan dan inovasi. RMKe-10 menerus dan memperluaskan dasar utama RMKe-9 yang menekankan pembangunan PKS berdaya saing, inovatif dan kukuh dari segi teknologi yang mampu bersaing di pasaran global.

Dalam tempoh 5 tahun antara 2011 dan 2015 di bawah RMKe-10, sebanyak 359 program telah dilaksanakan dengan perbelanjaan kewangan berjumlah RM41.79 bilion, yakni 61.9% lebih tinggi berbanding dengan perbelanjaan sebanyak RM25.81 bilion bagi 486 program yang dijalankan bagi tempoh antara 2006 dan 2010 di bawah RMKe-9. Walaupun bilangan program yang dilaksanakan dalam RMKe-10 adalah kurang daripada RMKe-9, perbelanjaan purata bagi setiap program di bawah RMKe-10 adalah dua kali ganda lebih besar.

Walaupun jelas bahawa peruntukan kewangan bagi memacu program dan inisiatif di bawah RMKe-10 telah meningkat secara ketara, di peringkat makro, perbelanjaan keseluruhan Kerajaan Persekutuan untuk pembangunan PKS masih kecil, hanya mencakupi 3.3% daripada jumlah perbelanjaan Kerajaan bagi tempoh 5 tahun berkenaan.

## **STATUS DAN PENCAPAIAN PROGRAM PEMBANGUNAN PKS BAGI TAHUN 2015**

Berbanding tahun 2014, bilangan program pembangunan PKS yang dilaksanakan pada tahun 2015 adalah lebih tinggi, melibatkan rangka kerja saluran sokongan yang lebih luas serta memanfaatkan jumlah PKS yang lebih besar. Walaupun demikian, program-program tersebut telah dilaksanakan pada perbelanjaan keseluruhan yang lebih rendah.

Bagi tempoh 12 bulan pada tahun 2015, kemajuan ketara telah dicapai di mana sejumlah 170 program telah dilaksanakan, melebihi sasaran 163 program yang dirancang untuk tahun tersebut dan menghasilkan prestasi pelaksanaan 104.3%. Daripada bilangan keseluruhan program, sebanyak 3 program merupakan program baharu, 18 program baru dilaporkan, manakala 13 program pula telah selesai dilaksanakan.

Sejumlah RM7.97 bilion telah dibelanjakan untuk baki 136 program yang masih lagi dilaksanakan, yang memberikan sokongan kepada 589,197 PKS. Sebanyak 13 program yang selesai dilaksana telah menggunakan perbelanjaan RM18.6 juta dan memanfaatkan 984 PKS. Tiga program baharu tersebut pula telah menggunakan RM4 juta bagi menyokong 324 PKS, manakala 18 program baru dilaporkan telah membelanjakan RM143.9 juta dan memberi manfaat kepada sejumlah 2,503 PKS.

Jumlah keseluruhan perbelanjaan bagi pelaksanaan 170 program oleh 16 Kementerian dan lebih daripada 60 Agensi pada tahun 2015 adalah RM8.14 bilion atau 71.8% daripada peruntukan awal berjumlah RM11.34 bilion bagi tahun berkenaan. Secara kolektif, program dan inisiatif PKS pada tahun 2015 telah membantu membina kapasiti dan keupayaan sebanyak 593,008 PKS, memperlengkapi mereka dengan alat-alat pembangunan dalam bidang tumpuan akses kepada pembiayaan, pembangunan modal insan, akses pasaran, penerapan inovasi dan teknologi, serta infrastruktur.

Program Pembangunan PKS	Rancangan Malaysia Ke-9 (2006-2010)	Rancangan Malaysia Ke-10 (2011-2015)
Bil. Program Pembangunan PKS Dilaksanakan	486	359
Perbelanjaan untuk Program Pembangunan PKS (RM juta)	25,813	41,792
Perbelanjaan Purata untuk Pembangunan PKS Setahun (RM juta)	5,163	8,358
Jumlah Perbelanjaan untuk Setiap Program (RM Juta)	53.1	116.4
Perbelanjaan untuk Pembangunan PKS (OE+DE) Kerajaan Persekutuan (%)	2.8	3.3

Nota: OE: Perbelanjaan Mengurus

DE: Perbelanjaan Pembangunan

Pertambahan dalam bilangan program pembangunan PKS yang dilaksanakan juga membolehkan mereka mencapai lebih banyak PKS. Pada tahun yang ditinjau, pertambahan program telah memanfaatkan 23.9% lebih banyak PKS, mengatasi sasaran awal sejumlah 478,509 PKS yang ditetapkan.

Sebanyak 20 program daripada 170 program yang dilaksanakan telah melibatkan perbelanjaan berjumlah RM3.11 billion yang dibiayai oleh pihak swasta, manakala baki 150 program yang melibatkan perbelanjaan RM4.84 billion telah dibiayai oleh Kerajaan. Sebanyak 20 program yang dibiayai oleh pihak swasta tersebut telah memberi bantuan kepada 12,907 PKS, manakala 150 program yang dibiayai oleh Kerajaan telah memanfaatkan sejumlah 580,101 PKS.

#### **STATUS DAN PENCAPAIAN PELAN INDUK PKS (2012-2020)**

Pelan Induk PKS (2012-2020) yang dilancarkan pada tahun 2012, telah mencatatkan pencapaian yang amat baik terutamanya dalam pelaksanaan Program Berimpak Tinggi (HIP). Antara pencapaianannya ialah pembangunan portal MalaysiaBiz bawah HIP1: Integrasi Pendaftaran dan Pelesenan Perniagaan. Portal ini yang dilancarkan oleh Perdana Menteri Malaysia pada 23 Jun 2016, menyediakan maklumat mengenai 1,174 aktiviti perniagaan merentasi pelbagai Agensi di peringkat Persekutuan, Negeri dan Majlis Tempatan di Semenanjung Malaysia. Unit Pemodenan Tadbiran dan Perancangan Pengurusan Malaysia (MAMPU) yang merupakan peneraju bagi inisiatif ini, mensasarkan lesen-lesen di semua negeri di Malaysia, termasuk Sabah dan Sarawak, akan siap dimuat naik ke portal berkaitan menjelang Disember 2016.

Sebanyak 2 HIP sedang dilaksanakan dalam bidang inovasi, iaitu HIP 2: Platform Pengkomersialan Teknologi (TCP) dan HIP 6: Program Keterangkuman Inovasi. HIP 2 yang diterajui oleh PlaTCOM Ventures Sdn. Bhd.,

**Berbanding tahun 2014, bilangan program pembangunan PKS yang dilaksanakan pada tahun 2015 adalah lebih tinggi, melibatkan rangka kerja saluran sokongan yang lebih luas serta memanfaatkan jumlah PKS yang lebih besar. Walaupun demikian, program-program tersebut telah dilaksanakan pada perbelanjaan keseluruhan yang lebih rendah.**

<b>Pelan Tindakan Bersepadu PKS (SMEIPA)</b>			
<b>Pencapaian Program Pembangunan PKS pada Tahun 2015 berdasarkan Bidang Tumpuan</b>			
<b>Bidang Tumpuan</b>	<b>Program Dilaksanakan</b>	<b>Perbelanjaan (RM juta)</b>	<b>PKS Menerima Manfaat</b>
Akses kepada Pembiayaan	48	7,505.5	467,985
Pembangunan Modal Insan	47	82	98,345
Akses Pasaran	37	99	14,553
Penerapan Inovasi dan Teknologi	22	258.1	11,819
Infrastruktur	16	194.4	306
<b>Jumlah</b>	<b>170</b>	<b>8,139</b>	<b>593,008</b>

anak syarikat milik penuh Agensi Inovasi Malaysia, telah menapis 776 projek berinovatif sejak permulaan program pada bulan Mei 2014 sehingga 2015. Daripada jumlah tersebut, 88 projek telah diluluskan, 84 harta intelek (IP) telah dimajukan kepada industri untuk pengkomersialan dan 8 produk inovatif telah dikomersialkan. Keterangkuman Inovasi bermatlamat untuk menangani jurang di kalangan penduduk Malaysia dari segi pendapatan dan akses kepada keperluan asas seperti pendidikan, kemudahan kesihatan dan sumber kewangan. Dikendalikan oleh Yayasan Inovasi Malaysia, Agensi di bawah Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI), HIP 6

## Melangkah ke hadapan dalam tempoh RMKe-11, **Pelan Induk PKS** akan menjadi asas dalam pelaksanaan program pembangunan PKS, dengan memberi tumpuan kepada **4 bidang utama,** iaitu **produktiviti,** **inovasi,** **keusahawanan** dan **keterangkuman.**

telah menunjukkan kemajuan baik sejak dilancarkan dengan interaksi bersama 250 komuniti telah dijalankan dan sejumlah 7 inovator B40 telah diberi bantuan. Program ini telah menerima 262 produk inovatif daripada pelbagai sumber, di mana 22 inovasi telah disenarai pendek.

HIP 4: Program *Going Export* (GoEx) secara khusus dimulakan bagi membantu mengantara bangsa PKS yang sedia eksport. Dilaksanakan oleh MATRADE, Program GoEx telah memberi manfaat kepada 87 syarikat yang mempunyai potensi jualan berjumlah lebih RM14.5 juta. HIP 5: Program Pemangkin sedang dilaksanakan dengan inisiatif BioNext kini di peringkat akhir, di mana 20 syarikat telah terpilih di bawah inisiatif ini. Sementara itu HIP 3: Program *SME Investment Partner* (SIP) akan bermula pada suku ke-4 tahun 2016 di mana satu *SME Partner* akan dilantik untuk membiayai 7 PKS pada tahun pertama.

Sasaran makro yang ditetapkan di bawah Pelan Induk PKS telah dikaji semula pada tahun 2015 dengan mengambil kira perkembangan ekonomi dan statistik. Sasaran KDNK PKS bagi tahun 2020 sebanyak 41% kekal tidak berubah, tetapi PKS kini akan berada pada trajektori pertumbuhan baharu iaitu pada kadar purata tahunan sebanyak 8%, lebih rendah daripada 8.7% yang ditetapkan sebelum ini. Sementara itu, sumbangan PKS kepada guna tenaga telah disemak semula kepada 65% pada tahun 2020 daripada 62% sebelum ini, manakala sumbangan PKS kepada eksport telah disemak semula kepada 23% daripada 25% sebelum ini.

Melangkah ke hadapan dalam tempoh RMKe-11, Pelan Induk PKS akan menjadi asas dalam pelaksanaan program pembangunan PKS, dengan memberi tumpuan kepada 4 bidang utama, iaitu produktiviti, inovasi, keusahawanan dan keterangkuman. RMKe-11 adalah fasa terakhir bagi Malaysia untuk mempercepatkan pertumbuhan PKS ke arah mencapai status negara berpendapatan tinggi menjelang 2020, di mana tumpuan sepanjang tempoh ini adalah untuk menyegerakan pelaksanaan Pelan Induk, khususnya inisiatif berimpak tinggi.

### **PROSPEK PKS PADA 2016 DAN DALAM RANCANGAN MALAYSIA KE-11**

PKS merupakan jentera penggerak ekonomi Malaysia. Bagi setiap kilometer persegi daripada jumlah permukaan tanah negara terdapat 2 PKS secara purata. Apabila mengambil kira setiap keluasan permukaan tanah termasuk beribu-ribu kilometer persegi hutan tebal dan kawasan pergunungan yang tidak didiami, data statistik ini adalah sangat signifikan. (Sebagai perbandingan, Kesatuan Eropah mempunyai purata 5 PKS untuk setiap kilometer persegi permukaan tanah.) PKS juga membentuk sebahagian besar firma di Malaysia dan menyumbang lebih separuh daripada jumlah guna tenaga di negara ini.

Sumbangan PKS kepada KDNK meningkat daripada 29.6% pada tahun 2005 kepada 32.8% pada tahun 2011 dan 36.3% pada tahun 2015.



Tinjauan Perkembangan dan Prospek PKS

Pertumbuhan PKS di Malaysia telah melebihi pertumbuhan ekonomi keseluruhan negara. Ini telah berlaku bagi tempoh antara 2006 dan 2011, dan sepanjang tempoh RMKe-10 (2011-2015), di mana sumbangan PKS kepada KDNK mencatat purata pertumbuhan 7.8%, iaitu lebih tinggi daripada purata pertumbuhan KDNK negara sebanyak 5.3%.

Bagi tahun 2016, pertumbuhan KDNK PKS dijangka sederhana, lebih rendah daripada kadar 6.1% yang dicatatkan pada tahun 2015. Ketidaktentuan dalam landskap ekonomi dan kewangan global, ditambah pula dengan kos yang tinggi untuk menjalankan perniagaan, serta kesan berlarutan kadar pertukaran matawang yang tidak stabil dan harga komoditi yang merosot, secara kolektif, akan memberi kesan ke atas pertumbuhan nilai tambah PKS.

Tekanan ke atas pertumbuhan PKS dijangka akan diimbangi sebagiannya oleh permintaan domestik dan pasaran guna tenaga yang stabil di Malaysia. Bagi meningkatkan prestasi PKS selaras dengan halatuju negara di bawah RMKe-11 (2016-2020), usaha sedang digembeling untuk meningkatkan ekosistem eksport, menganjak naik PKS dalam rantaian nilai, mewujudkan kerjasama strategik dengan sokongan pemain dan pakar industri serta mempergiatkan pengantarabangsaan PKS.

Di sebalik perbelanjaan fiskal yang lebih berhemat, Kerajaan kekal komited kepada pembangunan PKS di mana sejumlah RM7.34 bilion telah

diperuntukkan bagi pelaksanaan 152 program pembangunan PKS pada tahun 2016. Selain menyedari impak ekonomi dari segi penjanaan pertumbuhan ekonomi, guna tenaga dan eksport, tumpuan secukupnya kepada PKS juga penting bagi memastikan pertumbuhan terangkum dan agenda sosial PKS, terutamanya untuk kumpulan 40% terendah dalam piramid pendapatan (B40), tercapai.

SME Corp. Malaysia juga terlibat secara aktif dalam mempercepatkan pembaharuan dan menyegerakan pelaksanaan pelbagai program di bawah Pelan Induk PKS, bagi meningkatkan produktiviti, inovasi dan eksport PKS. Seiring dengan usaha Kerajaan untuk membabitkan PKS dalam perolehan Kerajaan dan inisiatif pelancongan tempatan, memperkuatkannya integrasi PKS dalam Rantaian Nilai Global (GVC), serta, menyediakan dan menggalakkan penglibatan PKS dalam pasaran TPPA, inisiatif ini secara kolektif dijangka akan memacu prestasi pertumbuhan PKS di masa hadapan.

# LAPORAN KEWANGAN

"Dalam usaha kami untuk menjadi jenama yang paling dipercayai dalam penjagaan mata dengan menawarkan produk mengikut pesanan pelanggan, produk berinovatif serta perkhidmatan penjagaan mata komprehensif, kedua-dua teknologi dan inovasi adalah amat penting bagi membantu perniagaan kami kekal di hadapan persaingan seiring dengan pasaran dan trend yang berubah. Setiap organisasi memerlukan kepintaran, kreativiti, kecekalan dan wawasan yang harus disemai dalam minda, hati dan jiwa bagi menjadikannya berinovatif. Di samping itu, ia juga memerlukan bantuan sokongan. Kesemua ini dapat dicapai dengan adanya sokongan daripada SME Corp. Malaysia, melalui penyelarasan dan penyediaan sokongan perniagaan yang berkesan, yang mana telah memperkasa dan memberi inspirasi kepada kami dan banyak lagi PKS Malaysia lain untuk meningkatkan pertumbuhan dan kejayaan."

**EYECON GROUP SDN. BHD.**





**SIJIL KETUA AUDIT NEGARA**

LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA  
MENGENAI PENYATA KEWANGAN  
PERBADANAN PERUSAHAAN KECIL DAN SEDERHANA MALAYSIA  
BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2015

**Laporan Mengenai Penyata Kewangan**

Penyata Kewangan Perbadanan Perusahaan Kecil dan Sederhana Malaysia telah diaudit oleh wakil saya yang merangkumi Lembaran Imbangan pada 31 Disember 2015 dan Penyata Pendapatan, Penyata Perubahan Ekuiti serta Penyata Aliran Tunai bagi tahun berakhir pada tarikh tersebut, ringkasan polisi perakaunan yang signifikan dan nota penjelasan lain.

**Tanggungjawab Ahli Perbadanan Terhadap Penyata Kewangan**

Ahli Perbadanan bertanggungjawab terhadap penyediaan dan persesembahan penyata kewangan tersebut yang saksama selaras dengan piawaian pelaporan kewangan yang diluluskan di Malaysia dan Akta Perbadanan Pembangunan Industri Kecil dan Sederhana, 1995. Ahli Perbadanan juga bertanggungjawab terhadap kawalan dalaman yang ditetapkan perlu oleh pengurusan bagi membolehkan penyediaan penyata kewangan yang bebas daripada salah nyata yang ketara sama ada disebabkan oleh fraud atau kesilapan.

**Tanggungjawab Juruaudit**

Tanggungjawab saya adalah memberi pendapat terhadap penyata kewangan tersebut berdasarkan pengauditan yang dijalankan. Pengauditan telah dilaksanakan mengikut Akta Audit 1957 dan piawaian pengauditan yang diluluskan di Malaysia. Piawaian tersebut menghendaki saya mematuhi keperluan etika serta merancang dan melaksanakan pengauditan untuk memperoleh jaminan yang munasabah sama ada penyata kewangan tersebut bebas daripada salah nyata yang ketara.

Pengauditan meliputi pelaksanaan prosedur untuk memperoleh bukti audit mengenai amaun dan pendedahan dalam penyata kewangan. Prosedur yang dipilih bergantung kepada pertimbangan juruaudit, termasuk penilaian risiko salah nyata yang ketara pada penyata kewangan sama ada disebabkan oleh fraud atau kesilapan. Dalam membuat penilaian risiko tersebut, juruaudit mempertimbangkan kawalan dalaman yang bersesuaian dengan entiti dalam penyediaan dan persesembahan penyata kewangan yang memberi gambaran yang benar dan saksama bagi tujuan merangka prosedur pengauditan yang bersesuaian tetapi


**SIJIL KETUA AUDIT NEGARA**

bukan untuk menyatakan pendapat mengenai keberkesanan kawalan dalaman entiti tersebut. Pengauditan juga termasuk menilai kesesuaian polisi perakaunan yang digunakan dan kemunasabahan anggaran perakaunan yang dibuat oleh pengurusan serta persempahan penyata kewangan secara menyeluruh.

Saya percaya bahawa bukti audit yang saya peroleh adalah mencukupi dan bersesuaian untuk dijadikan asas bagi pendapat audit saya.

*Pendapat*

